

BAB 4

PENERIMAAN DAN PENYEBARAN IDEA-IDEA MARXISME

China telah mengalami perubahan yang drastik pada awal kurun keduapuluh. Sekembalinya ke China dari Jepun, Li Dazhao telah mengalami situasi yang sebenar dengan mata kasar sendiri. Sungguhpun beliau tetap menunjukkan kegigihan memperjuangkan reformasi pendemokrasian dan membawa kesedaran kepada masyarakat tanpa mengenal penat, tetapi masyarakat China yang sakit tenat mempamerkan masalah-masalah dari segala aspek. Di samping tindakan pihak-pihak tertentu yang mengekang transformasi ke arah pemodenan, didapati lapisan umum juga tidak mudah untuk disedarkan dan dipandu ke arah melepaskan diri daripada belenggu dan kongkongan yang tradisional. Penulisan yang sarat dengan pelbagai idea reformasi seolah-olah tidak membawa apa-apa kesan. Kekecewaan dan kegagalan tidak terhenti-henti memberi tampanan ke atas usahanya. Beliau terpaksa mencari pendekatan baru untuk menyelesaikan masalah bangsanya yang lama bertimbunan agar reformasi yang membawa impak berpanjangan dapat tercapai. Perubahan drastik yang terjadi ke atas reformis muda ini telah berlaku dalam tempoh di antara pertengahan tahun 1917 dan pertengahan tahun 1919.

4.1 Bertapak di pusat reformasi China

Semenjak kembali dari Jepun pada Mei 1916 sehingga meletakkan jawatan di majalah harian *Harimau* pada akhir Jun 1917, Li Dazhao telah berkhidmat di beberapa akhbar dan majalah. Beliau tidak dapat menetap di sesuatu tempat dan hidup dengan pendapatan yang

sedikit dan tidak menentu. Sungguhpun Li Dazhao menganggap keadaan sedemikian sebagai dugaan hidup dan ganjaran yang perlu dibayar untuk terus mengusahakan reformasi negara, namun keadaan tersebut sememangnya tidak boleh bertahan lama. Atas undangan Zhang Shizhao, Li Dazhao mengambil keputusan untuk kembali ke ibu kota demi mendapatkan jawatan baru di Universiti Peking.

Universiti Peking (yang sebelumnya dikenali sebagai Sekolah Tinggi Ibu Kota - Jingshi Daxuetang) telah diasaskan pada tahun 1898. Universiti tersebut telah direka khas untuk dibangunkan sebagai institusi pendidikan formal peringkat kebangsaan yang tertinggi bagi menggantikan sistem pendidikan imperial yang berorientasikan sistem peperiksaan yang dimansuhkan pada tahun 1905. Menjelang tahun 1917, Universiti Peking telah berkembang menjadi sebuah universiti ala moden yang mempunyai penuntut seramai seribu lima ratus orang. Pada ketika itu, pakar pendidikan yang terkenal, Cai Yuanpei (1868-1940) telah diundang untuk menyandang jawatan sebagai Presiden Universiti Peking. Beliau bukan sahaja mempunyai latar pendidikan tradisional yang kukuh tetapi juga sarat dengan pendedahan dan pengalaman terhadap pendidikan Barat. Cai Yuanpei pernah menyandang jawatan dalam kerajaan imperial dinasti Qing, tetapi juga giat sebagai seorang pemimpin revolusi yang aktif dan berpengaruh serta menjadi Menteri Pendidikan yang pertama dalam kerajaan Nasionalis Republik China. Selepas Cai Yuanpei memegang jawatan sebagai Presiden Universiti Peking, prinsip menggalakkan kebebasan berfikir dan keterbukaan telah diadaptasi di dalam operasi universiti berkenaan.¹ Pengaplikasian prinsip keterbukaan tersebut membolehkan Li Dazhao yang belum menamatkan pengajian di Universiti Waseda, berpeluang memegang jawatan akademik di institusi pendidikan tertinggi itu seperti graduan-graduan kedoktoran dari negara-negara Barat yang lain.

¹ Chow Tse-tsung telah menyifatkan Cai Yuanpei sebagai pemimpin moral bagi inteligensia baru dan salah seorang liberalis dan pendidik yang paling agung dalam sejarah China moden. Menurut Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China* (Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1960), hlm 47.

Zhang Shizhao telah mengemukakan cadangan untuk mengundang Li Dazhao menggantikan jawatannya sebagai Ketua Perpustakaan Universiti Peking. Cai Yuanpei, berserta dengan Dekan Fakulti Sasteranya, Chen Duxiu amat menyanjungi kemampuan Li Dazhao, maka cadangan itu dipersetujui dengan sempurnanya.² Pada Januari 1918, Li Dazhao dilantik oleh Presiden Cai Yuanpei sebagai ketua perpustakaan menggantikan Zhang Shizhao.³

Kelayakan akademik dan pengalaman sosial Li Dazhao pada ketika itu dikatakan belum memadai untuk melayakkan diri bagi menyandang jawatan tersebut. Justeru itu, cadangan Zhang Shizhao serta penerimaan Cai Yuanpei ke atas pelantikan Li Dazhao sebagai ketua perpustakaan Universiti Peking dilihat sebagai satu tindakan yang berani dan berpandangan jauh.⁴ Di samping itu, Li Dazhao sememangnya menghargai jawatan tersebut. Beliau telah menjawat sebagai ketua perpustakaan pada mulanya dan diikuti dengan jawatan profesor. Menurut Zhang Shizhao, walaupun Li Dazhao diakui dengan penguasaan ilmunya, namun tidak mempunyai gelaran yang setimpal. Rakan-rakan sejawatnya masing-masing memperoleh kelulusan daripada universiti-universiti di Barat yang dikatakan bersadur emas. Hanyalah Li Dazhao tidak mempunyai kelulusan sebegitu. Lantaran ada segelintir yang memandang rendah pada Li Dazhao.⁵ Namun, “pada ketika itu, gerakan demokrasi sedang bercambah di Beijing, Li Dazhao hanya berhasrat untuk mendapat tempat di Universiti Peking agar dapat mengambil bahagian secara aktif dalam gerakan tersebut. Maka, Li Dazhao

² Menurut imbasan memoir Zhang Shizhao, beliau mengatakan bahawa dirinya memegang jawatan sebagai profesor dengan merangkap ketua perpustakaan untuk memudahkan kerja membuat rujukan. Namun, disebabkan minatnya yang terlalu kuat ke atas kegiatan politik, beliau tidak memanfaatkan kemudahan dan kelebihan sebagai ketua perpustakaan itu. Pada ketika itu, beliau berjumpa dengan Li Dazhao dan merasa Li merupakan calon yang lebih sesuai, lantaran mencadangkan kepada Li Dazhao untuk menggantikan dirinya sebagai ketua perpustakaan di Universiti Peking. Sila rujuk Zhang Shizhao, “Wo suo zhidao de Shouchang” (Shouchang [Li Dazhao] yang saya kenali), *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori) (Beijing: Beijing Renmin Chubanshe, 1980), hlm 144-145. Catatan ini sebenarnya prakata yang ditulis oleh Zhang Shizhao untuk *Li Dazhao Xiansheng Zhuan* (Biografi Encik Li Dazhao) karangan Zhang Cixi.

³ Wang Xuezhen, et. al. (penyunting), *Beijing Daxue Jishi* (1898-1997) (Peristiwa-peristiwa Penting Universiti Peking), Jilid 1 (Beijing: Beijing Daxue Chubanshe, 1998), hlm 44.

⁴ Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern) (Beijing: Beijing Renmin Chubanshe, 1999), hlm 72-73.

⁵ Zhang Shizhao, “Wo suo zhidao de Shouchang” (Shouchang [Li Dazhao] yang saya kenali), *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 145.

langsung tidak mempedulikan tinggi rendahnya kedudukan, dan perasaan yang kurang munasabah di kalangan rakan sejawatnya.”⁶

Demikianlah inisiatif dan keazaman Li Dazhao untuk menetap di Beijing dan menduduki tempat di Universiti Peking. Ini kerana Universiti Peking sememangnya pusat keintelektualan negara China yang mencakupi kedudukan yang paling istimewa dalam aspek kehidupan politik dan kebudayaan China moden. Ada sarjana yang beranggapan bahawa Universiti Peking umpamakan sebuah mikrofon, setiap orang yang menyampaikan suara menerusi Universiti Peking, suaranya dapat dibesarkan.⁷ Zhang Shizhao mengibaratkan kemasukan Li Dazhao ke Universiti Peking itu sebagai komander kembali ke pangkalannya yang dapat menggegarkan keseluruhan situasi:

Segala tindakan dalam gerakan demokrasi seluruh negara selepas itu, sejak Gerakan Empat Mei, telah memperlihatkan Li Dazhao sebagai komander tertinggi. Kenapa begitu? Kekuatan Li Dazhao di kawasan utara, semata-mata disebabkan oleh keikhlasannya yang telah mengharukan semua orang.⁸

Ilustrasi Zhang Shizhao tersebut barangkali sudah terlampau sentimental huraianya daripada keadaan yang sebenar. Namun, keikhlasan Li Dazhao dalam menggerakkan reformasi politik China sememangnya teguh dan berpanjangan sampai ke akhir hayatnya sehingga menarik kesudian ramai pemuda untuk mengikuti jejaknya.

Ketibaan Li Dazhao di Universiti Peking dengan nyata telah membuka lembaran baru di dalam hidupnya, terutama dalam usahanya untuk membawa reformasi kepada China. Perubahan tersebut penting sebagai petunjuk yang menandakan titik peralihan baik dari perspektif peribadinya mahupun untuk gerakan revolusi di China secara keseluruhannya.⁹

⁶ Ibid..

⁷ Wei Dingxi (Timothy B. Weston, diterjemah oleh Jin Anping dan Zhang Yi), *Beijing Daxue yu Zhongguo Zheng-zhi Wenhua (1898-1920)* (Universiti Peking dan Budaya Politik China {1898-1920}) (Beijing: Beijing Daxue Chubanshe, 1998), hlm 3.

⁸ Zhang Shizhao, “Wo suo zhidao de Shouchang” (Shouchang [Li Dazhao] yang saya kenali), *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 145.

⁹ Perubahan tersebut dapat diteliti menerusi empat aspek: Pertama, beliau benar-benar berada di pusat gerakan Kebudayaan Baru, dan bertemu dengan rakan seperjuangannya dengan akrab sekali. Kedua, beliau memiliki kelebihan syarat-syarat yang cukup untuk mengkaji hasil akademik dan keintelektualan luar negera. Ketiga, beliau dapat bertemu dengan golongan muda yang sentiasa diletakkannya harapan terbesar untuk pembangunan

Perjawatan Li Dazhao di Universiti Peking telah menandakan permulaan era paling gemilang dalam sejarah riwayat hidupnya.¹⁰

Di Universiti Peking, Li Dazhao bertemu dengan para sarjana yang paling terkemuka pada ketika itu, baik yang berorientasikan pengajian tradisional mahupun Barat. Ada yang telah menjadi sahabat karib Li Dazhao, antaranya Chen Duxiu, Hu Shi, Zhang Shenfu, Zhou Zuoren dan Liang Shuming. Kebanyakannya telah mengadakan perbincangan yang mendalam dengan Li Dazhao tentang isu-isu utama pada zaman tersebut. Perbandingan antara peradaban atau budaya Timur dengan Barat telah menjadi isu yang hangat di kalangan intelektual, di dalam persekitaran budaya yang pada umumnya anti-tradisi itu.¹¹

Li Dazhao telah menulis sebuah rencana untuk membincangkan persoalan yang serius itu. Beliau dengan lantang mengatakan bahawa, peradaban Timur dan Barat mempunyai perbezaan yang fundamental, iaitu peradaban Timur bersifat tenang dan tidak bergerak, sementara peradaban Barat bersifat bergerak dan progresif.¹² Bertolak dari perbezaan yang semula jadi pada aspek geografi, beliau telah membandingkan kedua-dua peradaban tersebut dari corak hidup dan aspek-aspek hidup sehari-hari yang halus, hingga perbezaan dari segi pemikiran, falsafah dan budaya, untuk menemukan kesimpulan bahawa peradaban Timur sesuatu yang statik, sementara peradaban Barat sesuatu yang bergerak.¹³

Beliau telah melanjutkan hujahnya bahawa, jika ditinjau menerusi kedudukan peradaban Timur, didapati bahawa peradaban ini sudah berada pada situasi yang jauh ketinggalan. Dalam pada itu, bangsa China harus berusaha untuk menerima kelebihan yang ada pada peradaban Barat, demi memperbaiki kekurangan pada peradaban Timur, dan

China. Keempat, beliau memiliki kehidupan yang lebih tenteram dan selesa. Sila rujuk Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 518-522.

¹⁰ Ibid., hlm 517.

¹¹ Berkenaan dengan polemik budaya Timur dengan Barat yang dibangkitkan pada ketika itu, sila rujuk Tan Shuangquan, "Wusi shiqi de Dong Xi wenhua lunzhan" (Polemik budaya Timur dan Barat dalam era Empat Mei), Hao Bin dan Ouyang Zhesheng (penyunting), *Wusi Yundong yu Ershi Shiji de Zhongguo* (Gerakan Empat Mei dan China dalam Kurun Keduapuluh), Jilid 2 (Beijing: Shehui Kexue Wenxian Chubanshe, 2001), hlm 498-509.

¹² "Dong Xi wenming genben zhi yidian" (Perbezaan fundamental dalam tamadun Timur dan Barat), *LDZQJ*, Jilid 3 (Shijiazhuang: Hebei Jiaoyu Chubanshe, 1999), hlm 39.

¹³ Ibid., hlm 39-42.

meletakkan asas kepada cantuman peradaban Timur dan Barat.¹⁴ Sungguhpun beliau percaya bahawa, belajar daripada Barat merupakan penawar bagi masyarakat Timur, namun beliau tidak bertindak ekstrem untuk mengadaptasi pendekatan-pendekatan Barat secara bulat-bulat, seperti yang dicadangkan oleh banyak intelektual pada ketika itu. Ini kerana beliau juga percaya bahawa, kedua-dua peradaban itu masing-masing ada kelemahannya, dan perlu menanti kepada kemunculan suatu peradaban ketiga dengan mencantumkan kedua-dua peradaban tersebut secara saling melengkapi.

Dengan jelas bahawa, rencana Li Dazhao telah menyatakan satu harapan yang ideal terhadap perkembangan peradaban Timur dan Barat, dengan pendefinisian konsep-konsep yang tidak begitu ketat. Rakan karibnya Liang Shuming, profesor jurusan falsafah telah perhatikan penulisan Li Dazhao tersebut. Dalam sebuah penulisannya yang terkemudian berkenaan dengan perbandingan antara budaya Timur dan Barat, yang telah menerima sambutan yang hangat,¹⁵ Liang menyatakan persetujuannya dengan huraian Li yang telah menunjukkan kontradiksi yang ada pada kedua-dua tamadun itu serta melihat masalah tersebut sebagai sesuatu yang amat mendesakkan, dan perlu diselesaikan secara fundamentalnya. Namun beliau tidak berpuas hati dengan cadangan Li Dazhao yang hanya menggesa cantuman peradaban tetapi tidak mencadangkan kaedahnya. Mengikut tafsirannya terhadap analisis Li Dazhao yang menonjolkan kontradiksi yang memihak kepada peradaban Barat dalam perbandingannya, Li sepatutnya mencadangkan Pembaratan, malah Pembaratan secara total sebagai jalan keluar bagi masyarakat China, tetapi Li sebaliknya mencadangkan cantuman peradaban tetapi tidak membekalkan cara pelaksanaannya. Liang berasa usaha setakat itu adalah tidak memadai dan hanya akan membawa masalah: “beliau tidak

¹⁴ Ibid., hlm 44-45.

¹⁵ Sila rujuk Liang Shuming, "Dong Xi Wenhua ji qi zhixue" (Budaya Timur dan Barat berserta dengan falsafahnya), dalam *Liang Shuming Quanji* (Koleksi Lengkap Karya-karya Liang Shuming), Jilid 1 (Jinan: Shandong Renmin Chubanshe, 1989), hlm 319-547.

memberitahu caranya, seolah-olah masih menanti pada masa kelak, ini barangkali kontradiksi yang ada pada Li sendiri.”¹⁶

Walau bagaimanapun, penulisan Li Dazhao ini telah dilihat sebagai suatu perubahan idea-idea dalam pemikirannya. Dalam perbincangan ini, Li Dazhao telah membelakangi pandangan teori evolusi yang sememangnya popular pada dewasa itu. Pertimbangan semula dan kritikan Li Dazhao terhadap teori evolusi yang menekankan persaingan yang membawa kepada kemenangan bagi yang kuat dan penyingkirkan bagi yang lemah, telah dilihat sebagai suatu pemikiran yang amat bernilai dalam sejarah intelektual China moden,¹⁷ dan anjakan pemikirannya secara ideologi daripada teori evolusi kepada materialisme sejarah.¹⁸

Pada 23 Julai 1920, Li Dazhao secara rasminya memegang jawatan profesor di Jabatan Pengajian Politik, selain menyandang jawatan ketua perpustakaan. Beliau telah mengajar kursus sejarah intelektual, sosiologi dan sebagainya di Universiti Peking, Universiti Zhaoyang, Universiti Zhongguo dan beberapa institusi pengajian tinggi, di sekitar tahun-tahun 1920-1925.¹⁹

Menurut memoir Luo Zhanglong, seorang pelajar Li Dazhao yang kemudiannya telah menjadi rakan seperjuangannya di dalam gerakan Komunisme China, Li seorang profesor yang peramah dan sentiasa sudi memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar yang menghadapi masalah. Li Dazhao telah menawarkan kursus “Konsepsi Sejarah Materialistik” yang merupakan sesuatu yang baru di Universiti Peking. Syarahan kuliah Li amat tersusun dan bersistematik, nota kuliahnya disediakan sendiri dengan kandungan yang padat dan

¹⁶ Ibid., hlm 338.

¹⁷ Zhang Rulun, *Xiandai Zhongguo Sixiang Yanjiu* (Kajian Pemikiran China Modern) (Shanghai: Shanghai Renmin Chubanshe, 2001), hlm 77.

¹⁸ Susanne Weigelin-Schwiedrzik, “What is wrong with Li Dazhao?” dalam Tony Saich dan Hans J. van de Ven (penyunting), *New Perspectives on the Chinese Communist Revolution* (Armonk, N. Y.: M. E. Sharpe, 1995), hlm 61.

¹⁹ “Yu zhong zishu” (Autobiografi dalam penjara), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 714.

panjang lebar. Ramai pelajar yang menghadiri kuliah Li Dazhao sehingga bilik kuliah penuh sesak dengan pelajar yang terpaksa berdiri untuk mengikuti kuliah tersebut.²⁰

Cara bersyaran Li Dazhao di dalam bilik kuliah, menurut imbasan pelajarnya pada ketika itu, beliau dengan kepala yang condong menghala ke tepi, kedua-dua belah tangan menahan di atas meja dengan dirinya berdiri di belakang meja syarahan secara teguh sekali, tanpa banyak pergerakan badan.²¹

Li Dazhao telah memegang jawatan ketua perpustakaan selama lima tahun sehingga Disember 1922. Tempoh tersebut merupakan suatu jangka masa yang penting dalam riwayat hidup Li Dazhao. Ini bukan sahaja disebabkan beliau telah memberi sumbangan yang besar untuk membawa pembaharuan dan meningkatkan mutu perkhidmatan Perpustakaan Universiti Peking. Tetapi, yang lebih penting, Li Dazhao telah bertemu dengan individu-individu yang terkenal dan yang mempunyai pengaruh besar dalam bidang sosio-politik, budaya dan keintelektualan di pusat kebudayaan dan penyelidikan tertinggi di China itu.²²

4.2 Kepelbagaiannya majalah dan persatuan dalam usaha pembaharuan

Di Beijing, dengan berpusatkan revolusionaris veteran, Chen Duxiu, intelektual-intelektual yang kembali dari seberang laut telah berkumpul semula, di bawah pertubuhan persepakatan yang terbentuk menerusi penerbitan majalah *Pemuda Baru* (*Xinqingnian* -

²⁰ Luo Zhanglong, "Kangzhai huiyilu" (Memoir di bilik Kangzhai), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 29.

²¹ Zhang Tingqian, "Guanyu Li Dazhao Xiansheng" (Berkenaan dengan Encik Li Dazhao), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 109.

²² Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao) (Shandong: Shandong Renmin Chubanshe, 1998), hlm 267-268.

La Jeunesse).²³ *Pemuda Baru* merupakan sebuah majalah yang paling penting dalam sejarah China moden. Majalah ini membentangkan kandungan gerakan pemikiran dan kebudayaan yang anti-tradisi dalam era Gerakan Empat Mei dan perkembangan pemikiran Marxisme di China. Dalam kajian Gerakan Kebudayaan Baru dan penyebaran Marxisme China, majalah *Pemuda Baru* merupakan sumber rujukan yang paling penting.²⁴

Para pemimpin intelektual, termasuklah Li Dazhao yang bertapak di Universiti Peking telah menjadikan majalah *Pemuda Baru* sebagai platform bersuara dan pertukaran buah fikiran, dengan berbekalkan ilmu dan pengalaman masing-masing dari luar negera, telah menyampaikan idea-idea untuk membangun semula China moden. Pertukaran fikiran ini kerap membangkitkan perdebatan yang terserlah dengan pertembungan sinaran keintelektualan dan semangat patriotisme mereka. Dengan itu, revolusi sastera mula memperlihatkan model acuannya. Penerbitan majalah *Pemuda Baru* pada September 1915 itu telah dilihat sebagai permulaan secara rasmi bagi Gerakan Kebudayaan Baru di China dan fasa ketiga dalam pemikiran kosmologi evolusional sejak pelancaran gerakan reformasi pada era 1890-an.²⁵

Dalam tempoh tersebut, selain mengambil bahagian dalam kerja penyuntingan majalah *Pemuda Baru*, Li Dazhao juga giat dalam menubuhkan Persatuan China Remaja (Shaonian Zhongguo Xuehui) dengan merangkap ketua penyunting majalah *China Remaja* (*Shaonian Zhongguo*), mengasaskan majalah *Komentar Mingguan* (*Meizhou Pinglun*) bersama Chen Duxiu, di samping menyumbang tenaga dalam penerbitan majalah bulanan *Warganegara* (*Guomin*) dan *Aliran Baru* (*Xinchao - The Renaissance*). Dalam musim gugur 1918, Li telah memberikan galakan ke atas pembentukan Persatuan Aliran Baru, dengan

²³ Berkenaan tentang penerbitan majalah *Pemuda Baru* dan pengaruhnya, sila merujuk Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm 42-48.

²⁴ Berkenaan dengan pengenalan asal-usul dan peranan yang dimainkan oleh majalah *Pemuda Baru*, sila rujuk *Wusi Shiqi Qikan Jieshao* (Pengenalan Majalah-majalah dalam Era Empat Mei), Jilid 1.1 (Shenyang: Shenghuo . Dushu . Xinzhi Sanlian Shudian, 1959), hlm 1-40.

²⁵ Charlotte Furth, "Intellectual Change: From the Reform Movement to the May Fourth Movement, 1895-1920," dalam Merle Goldman dan Leo Ou-Fan Lee (penyunting), *An Intellectual History of Modern China* (Cambridge: Cambridge University Press, 2002), hlm 87.

memperuntukkan sebuah bilik di perpustakaan untuk kegunaan aktivitinya.²⁶ Dengan itu, Perpustakaan Universiti Peking turut dijadikan pejabat editorial majalah bulanan *Aliran Baru*. Dalam pada itu, Li Dazhao semakin mendapat tempat dalam arena akademik dan pengaruhnya di kalangan pemuda semakin meningkat.²⁷

Pada Julai 1919, Li Dazhao bersama dengan Wang Guangqi telah menubuhkan Persatuan China Remaja. Persatuan ini dikatakan pertubuhan yang mempunyai sejarah yang paling lama dengan bilangan ahli yang paling banyak.²⁸ Tujuan penubuhannya adalah untuk menubuhkan sebuah pertubuhan politik yang bersifat akademik, atas desakan segolongan muda yang anti-imperialisme Jepun.²⁹ Persatuan ini telah diteruskan selama enam tahun dan hanya dihentikan operasinya pada tahun 1925 disebabkan percanggahan pemikiran di kalangan anggotanya.³⁰

Mao Zedong telah menyertai persatuan tersebut atas perkenalan Li Dazhao. Dengan berbekalkan tunas-tunas Nasionalisme China, Li Dazhao telah berusaha menyebarkan idea-idea Marxisme sebagai satu jentera untuk membangunkan bangsanya. Mao Zedong pula melengkapkan usaha mentornya itu dengan memanfaatkan semangat Nasionalisme China dengan sebaik-baiknya sebagai penggerak utama untuk melaksanakan doktrin Marxisme di China.³¹

Li Dazhao sebagai pengasas utama persatuan ini telah memainkan peranan yang aktif dalam pengelolaan organisasi dan penyuntingan beberapa majalah yang diterbitkan oleh

²⁶ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism* (Cambridge: Harvard University Press, 1967), hlm 71.

²⁷ Chen Zhesu, et. al. (penyunting), *Xiandai Zhongguo Zheng-zhi Sixiang Lihupai* (Aliran Penikiran Politik China Modern), Jilid 1 (Beijing: Dangdai Zhongguo Chubanshe, 1999), hlm 81.

²⁸ *Wusi Shiqi Qikan Jieshao* (Pengenalan Majalah-majalah dalam Era Empat Mei), Jilid 1.1, hlm 235.

²⁹ Xu Decheng, "Huiyi Wusi yundong" (Mengenang kembali Gerakan Empat Mei), Pejabat Jawatankuasa Sumber Maklumat Majlis Politik Kebangsaan (penyunting), *Wusi Yundong Qinli Ji* (Catatan Penyertaan Langsung dalam Gerakan Empat Mei) (Beijing: Zhongguo Wenshi Chubanshe, 1999), hlm 25. Persatuan ini telah dilancarkan pengasasannya pada 30 Jun 1918, tetapi hanya direalisasikan penubuhannya pada 1 Julai 1919 selepas persediaan yang memakan masa lebih setahun. Cawangan-cawangannya tertabur di merata bandar utama di seluruh China. Anggota-anggotanya telah mengambil bahagian dengan giat dalam Gerakan Empat Mei.

³⁰ *Wusi Shiqi Qikan Jieshao* (Pengenalan Majalah-majalah dalam Era Empat Mei), Jilid 1.1, hlm 235.

³¹ Sila rujuk Joseph R. Levenson, "The past and future of nationalism in China," *Modern China: An Interpretive Anthology* (New York: MacMillan, 1971), hlm 9.

pertubuhan ini, khususnya majalah *China Remaja* yang telah memperlihatkan penghasilan beberapa rencana yang terkenal daripada Li Dazhao.

Li Dazhao menyatakan impianinya agar membina “China Remaja” yang ideal, iaitu “China Remaja” yang seimbang dari aspek material dan spiritual.³² Beliau berhujah bahawa, “China Remaja” sama ada dapat dibentuk atau tidak, perlu bergantung kepada pelaksanaan “Gerakan Remaja”:

Langkah pertama dalam “Gerakan Remaja”, adalah melaksanakan dua bentuk gerakan budaya: satunya merupakan gerakan pembinaan semula semangat dan rohani, satu lagi pula gerakan pembinaan semula kebendaan. Gerakan pembinaan semula semangat dan rohani, adalah menyebarkan idea “saling membantu”, dan “kasih sayang sejagat” dengan berlandaskan semangat humanisme, untuk membina semula hati manusia zaman moden yang sudah keruntuhan, … Gerakan pembinaan semula kebendaan pula, adalah mencipta satu bentuk organisasi “kemuliaan pekerja” dengan berlandaskan idea ketekunan pekerja, untuk membina semula sistem ekonomi zaman moden yang bersifat pemalas dan perampas.³³

Beliau berharap agar “Gerakan Remaja” bagi “China Remaja” tersebut adalah suatu gerakan pembinaan semula dari kedua-dua aspek material dan spiritual, gerakan itu suatu gerakan yang dapat mencapai keserasian di antara kerohanian dan fizikal.³⁴

Majalah *Komentar Mingguan* yang diasaskan pada 22 Disember 1918 merupakan sebuah lagi majalah yang amat popular pada era Gerakan Empat Mei di samping majalah *Pemuda Baru*.³⁵ Majalah ini telah diasaskan oleh Chen Duxiu dan Li Dazhao dengan tujuan untuk menyahut cabaran perjuangan politik pada masa itu.³⁶ Beberapa perdebatan tentang perkembangan politik semasa telah dijalankan menerusi majalah tersebut. Tidak seperti majalah *Pemuda Baru* yang memaparkan rencana-rencana panjang yang lebih berbau

³² “‘Shaonian Zhongguo’ de ‘Shaonian Yundong’” (‘Gerakan Remaja’ bagi ‘China Remaja’), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 319.

³³ Ibid..

³⁴ Ibid., 321-322.

³⁵ Berkenaan dengan hubungan di antara majalah *Komentar Mingguan* dan pemikiran serta budaya pada era Gerakan Empat Mei, sila rujuk Hu Ming, “Meizhou Pinglun yu ‘wusi’ sixiang wenhua” (*Komentar Mingguan* dengan pemikiran serta budaya pada era Empat Mei), Hao Bin dan Ouyang Zheseng (penyunting), *Wusi Yundong yu Ershi Shiji de Zhongguo* (Gerakan Empat Mei dan China dalam Kurun Keduapuluh), Jilid 2 (Beijing: Shehui Kexue Wenxian Chubanshe, 2001), hlm 1191-1205.

³⁶ Berkenaan dengan keterangan lanjut tentang penerbitan Majalah *Meizhou Pinglun*, sila rujuk *Wusi Shiqi Qikan Jieshao* (Pengenalan Majalah-majalah dalam Era Empat Mei), Jilid 1.1, hlm 41-42.

akademik, majalah ini menyiaran rencana-rencana analisis politik yang pendek.³⁷ Penerbitan majalah *Komentar Mingguan* sebagai sebuah komentar politik yang kecil tetapi tajam hujahannya telah dilihat sebagai berfungsi untuk tujuan politik Chen Duxiu.³⁸

Pengasasan persatuan-persatuan berserta dengan majalah-majalah yang diterbitkannya pada era Gerakan Empat Mei telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran idea-idea baru dan penyuaraan pandangan intelektual-intelektual China terhadap masalah negara mereka. Keadaan itu sememangnya menggalakkan kemunculan suatu persekitaran perbincangan akademik yang baik untuk sama-sama mencari jalan keluar bagi masa depan China. Tempoh tersebut memperlihatkan suatu perkembangan yang positif ke arah pencetusan idea baru dalam masyarakat China yang telah membawa tunas-tunas pemikiran yang amat subur dalam sejarah China moden. Sesungguhnya, Li Dazhao telah memanfaatkan kemudahan penerbitan-penerbitan dan trend moden berkenaan untuk mengutarakan gagasan reformasinya yang sekaligus memunculkan dirinya sebagai salah seorang tokoh intelektual China moden yang paling terkemuka pada awal kurun keduapuluh.

4.3 Revolusi Oktober dan Penyebaran idea-idea Marxisme di China

Di sekitar kembalinya Li Dazhao ke tanahair sehingga berjawatan di Universiti Peking, Revolusi Oktober (Revolusi Bolshevik) telah meletus di Rusia pada tahun 1917.³⁹ Peristiwa revolusi tersebut telah menggongang imaginasi intelektual China, tetapi pengaruh

³⁷ Berkenaan dengan pengaruh majalah *Komentar Mingguan*, sila rujuk Peng Ming, *Wusi Yundongshi* (Sejarah Gerakan Empat Mei) (Beijing: Beijing Renmin Chubanshe, 1998), hlm 211-221.

³⁸ Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm 57.

³⁹ Untuk keterangan lanjut tentang proses revolusi tersebut serta kelahiran Bolshevisme di Rusia, sila rujuk Stuart Ramsay Tompkins, *The Triumph of Bolshevism: Revolution or Reaction?* (Norman: University of Oklahoma Press, 1967).

tersebut adalah lebih berbentuk emosi daripada aspek doktrin pada tempoh permulaannya.⁴⁰ Penerimaan orang China ke atas mesej Bolshevik tidak terletak pada kecenderungan ideologi tetapi pada masalah-masalah yang diajukan kepada intelektual China oleh aktivisme radikal dalam Gerakan Empat Mei.⁴¹ Walau bagaimanapun, Revolusi Oktober telah dilihat sebagai pemangkin bagi penyebaran idea-idea Marxisme di China dan mentransformasikan beberapa orang penganut demokrasi yang radikal kepada pengikut Marxisme, termasuklah Li Dazhao.⁴²

Sebelum tercetusnya Revolusi Bolshevik pada akhir tahun 1917, para intelektual China tidak menunjukkan minat yang kuat terhadap idea-idea Marxisme, sungguhpun para pembaca China berkemungkinan sudah sedar akan kemunculan Marxisme di sekitar tahun 1905 apabila akhbar *Minbao* menyiaran biografi Karl Marx dalam terbitan keduanya.⁴³ Doktrin Marxisme tersebut dikatakan telah dibentuk pada tahun 1848 berikutan dengan lahirnya buku *Manifesto Komunis*, hasil karangan bersama Karl Marx dan Friedrich Engels. Penulisan *Manifesto Komunis* yang telah dilihat sebagai satu titik peralihan dalam perkembangan pemikiran sosialis, dengan lantang telah mengumumkan deklarasi mereka untuk memerangi golongan borjuis.⁴⁴ Menerusi pengamatan terhadap sentimen-sentimen patriotik, mereka telah dapat menguasai perkembangan di seluruh Eropah Barat, dengan menjalankan kajian yang mendalam terhadap pelaksanaan politik, teori-teori falsafah dan permintaan sebenar golongan buruh serta latar belakang proses sosial yang umum. Penerbitan buku ini telah dilihat sebagai satu batu penanda yang penting dalam kerjaya Marx dan Engels,

⁴⁰ Huang Sung-kang, *Li Ta-chao and the Impact of Marxism on Modern Chinese Thinking* (The Hague {Paris}: Mouton & Co., 1965), hlm 7.

⁴¹ Arif Dirlik, *The Origins of Chinese Communism* (New York: Oxford University Press, 1989), hlm x.

⁴² Sila rujuk Chen Zhefu, Jiang Ronghai dan Wu Pi, *Ershi Shiji Zhongguo Sixiangshi* (Sejarah Intelektual China pada Kurun Keduapuluh), Jilid 1 (Jinan: Shandong Renmin Chubanshe, 2002), hlm 203.

⁴³ Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China* (New York: Oxford University Press, 2000), hlm 514.

⁴⁴ Edmund Wilson, *To the Finland Station: A Study in the Writing and Acting of History* (London: Collins, 1962), hlm 162. Buku ini telah menggalurkan kemunculan pemikiran Sosialisme yang berasal daripada tradisi Revolusi Perancis, diikuti dengan proses kerjasama di antara Karl Marx dan Friedrich Engels serta perkembangan Sosialisme di Eropah pada kurun kesembilanbelas, sehingga berlakunya Revolusi Bolshevik di Rusia. Penerbitan ini merupakan satu huraian yang komprehensif tentang asal-usul dan perkembangan Marxisme.

walaupun tidak ramai yang memberi perhatian ke atas buku ini apabila ia diterbitkan buat pertama kalinya pada Februari 1848 di London.⁴⁵

Manifesto Komunis tidak menyentuh tentang Rusia maupun Amerika Syarikat, yang ketika itu dilihat oleh kedua-dua Marx dan Engels sebagai “dua tunggak dalam order sosial Eropah”,⁴⁶ apatah lagi tentang China yang mundur di sebelah Timur. Ternyata Marxisme tidak dilihat sebagai satu instrumen penganalisis yang berkesan bagi mentafsir keadaan di China pada ketika itu. Pandangan Karl Marx mengenai teori peringkat-peringkat perkembangan masyarakat manusia, iaitu dari masyarakat komunalisme primitif, melalui era hamba abdi ke masyarakat feudalisme dan diikuti dengan masyarakat kapitalisme, dengan jelas tidak sepadan dengan pengalaman sejarah China. China pada ketika itu bukan sahaja belum mencapai tahap masyarakat kapitalisme, malahan bukan pada peringkat embrio kapitalisme. Dengan itu, teori Marx tentang kejatuhan masyarakat kapitalisme sebagai prasyarat bagi munculnya era baru sosialisme adalah tidak nyata pada hakikatnya.⁴⁷

Semenjak Revolusi Rusia pada 1905 sehingga Revolusi Bolshevik pada 1917, doktrin-doktrin sosialisme semakin diberi perhatian, namun idea-idea Marxisme kelihatan paling tidak mendapat tempat di kalangan intelektual China yang radikal.⁴⁸ Walaupun pengaruh anarkisme semakin berkembang dan simpati terhadap sosialisme kian tersebar, namun tidak seorangpun yang mengiktiraf dirinya sebagai seorang Marxis.⁴⁹ Ketidakserasan teori Marxisme dengan situasi realiti di China mungkin menjadi sebab utama doktrin yang paling mendapat sambutan pada masa separuh pertama kurun keduapuluh itu kurang mempunyai pasaran di China. Li Dazhao sungguhpun telah memberi perhatian ke atas Revolusi Rusia 1905 dan perkembangan parti-parti sosialis di Eropah dengan mengemukakan

⁴⁵ Ibid., hlm 162-163.

⁴⁶ Ibid., hlm 163.

⁴⁷ Jonathan D. Spence, *The Search for Modern China* (New York · London: W.W. Norton & Company, 1990), hlm 305.

⁴⁸ Untuk keterangan lanjut tentang sebab-sebab Marxisme, khususnya penulisan *Das Kapital* tidak mendapat sambutan di China sebelum Revolusi Bolshevik, serta keseluruhan perkembangan dalam penyebaran *Das Kapital* di China, sila rujuk Hu Peizhao dan Lin Pu, *Zibenlun zai Zhongguo de Chuanbo* (Penyebaran *Das Kapital* di China) (Jinan: Shandong Renmin Chubanshe, 1985).

⁴⁹ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 53.

beberapa rencana terhadapnya, tetapi juga tidak menunjukkan kecenderungan minat ke atas doktrin Marxisme sehingga pertengahan tahun 1918.

Di Rusia, Marxisme mula disebarluaskan dengan penerbitan sebuah terjemahan *Das Kapital* pada tahun 1868, dan menjadi semakin popular pada tahun-tahun awal 1890-an. Lenin (Vladimir Ilyich Ulyanov) yang disanjung sebagai pemimpin revolusi percaya bahawa, Marxisme bukan satu dogma, tetapi panduan tindakan untuk mengubah dunia. Beliau ingin menjayakan revolusi di Rusia, yang bukan sahaja revolusi kepunyaan Rusia, tetapi revolusi bagi golongan Marxis.⁵⁰ Pada Oktober 1917, Parti Bolshevik yang dipimpin oleh Lenin telah menggulingkan kerajaan bersekutu dan mendirikan kerajaan Soviet yang revolucioner. Akhbar-akhbar di China telah menyiaran berita tersebut pada awal November 1917, kemudiannya pelbagai versi khabar tentang perkembangan peristiwa itu terus disiarkan di China. Namun, golongan intelektual di China kelihatan begitu keragu-raguan terhadap pertumpahan darah dan huru-hara yang berlaku di Rusia.

Di dalam kebuntuan itu, Li Dazhao telah memecahkan kesangsian orang ramai dengan mengemukakan sebuah rencana yang memuji kejayaan Revolusi Oktober, “Pandangan secara perbandingan di antara revolusi di Perancis dan Rusia” (*Fa E geming zhi bijiao guan*) pada awal Julai 1918.⁵¹ Dengan mengemukakan peristiwa pertumpahan darah dan huru-hara yang terjadi dalam Revolusi Perancis yang paling menggegarkan dunia sebagai buktinya, beliau membela kebenaran Revolusi Oktober dengan mengatakan bahawa:

Inovasi sesuatu peradaban baru, atau lahirnya sesuatu nyawa yang baru, sering kali berasaskan kesukaran dan kengerian. Jika dirujuk kepada bukti-bukti sejarah, barangkali ianya sentiasa benar. Memandangkan betapa sukarnya pada awal pembentukannya, orang yang berpandangan sempit akan gentar dan melihatnya sebagai pemberontakan dan mala petaka yang tidak terhingga. Tetapi, jika dilihat dalam perkembangan sejarah manusia, kejayaan yang terbesar akan diundang selepas pengorbanan dan kesengsaraan yang terbesar. Revolusi yang berlaku hari ini di Rusia, adalah sama dengan Revolusi Perancis dahulu kala yang turut merupakan

⁵⁰ Edmund Wilson, *To the Finland Station: A Study in the Writing and Acting of History*, hlm 390.

⁵¹ “Fa E geming zhi bijiao guan” (Pandangan secara perbandingan di antara revolusi di Perancis dan Rusia), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 55-59.

perubahan drastik yang akan mempengaruhi peradaban dunia pada alaf akan datang.⁵²

Berbanding dengan intelektual China yang lain pada ketika itu, Li Dazhao kelihatan begitu yakin dengan masa depan pemerintahan sosialisme di Rusia. Rentetan daripada itu, semakin banyak orang China yang mula membincangkan makna daripada kejadian revolusi itu, dengan hasrat untuk mencontohi gerakan revolusi di Rusia. Li Dazhao yang pada ketika itu sebagai Ketua Perpustakaan Universiti Peking telah dilihat sebagai pelopor dalam arus perubahan pemikiran itu.⁵³

Dalam masa enam bulan, Li Dazhao telah menubuhkan satu kumpulan kajian secara tidak formal di pejabat perpustakaannya dengan disertai oleh sebilangan pelajar dan pengajar yang berkumpul membincangkan perkembangan politik. Pada penghujung tahun 1918, kumpulan sulit itu telah dinamakan sebagai “Persatuan Kajian Marxis”, dengan mendalami doktrin buku *Das Kapital* oleh Karl Marx di bawah bimbingan Li Dazhao.

Menjelang tahun 1919, kumpulan kajian tersebut telah menarik penyertaan ramai pelajar muda. Di kalangan elit pelajar terbabit, ada yang berasal daripada golongan kaya di bandar-bandar, ada pula yang berasal daripada berbagai-bagai latar belakang sosial yang rendah statusnya. Mereka telah disemai benih-benih idea Marxisme dan Bolshevisme. Antaranya Qu Qiubai dan Zhang Guotao yang menjadi tokoh penting dalam sejarah awal penubuhan PKC. Tidak ketinggalan juga Mao Zedong. Mao bukan penuntut Universiti Peking, tetapi dengan perjawatannya sebagai pembantu perpustakaan, beliau telah berpeluang untuk menyertai sesi perbincangan dalam kumpulan kajian bimbingan Li Dazhao itu. Peserta-peserta kumpulan kajian tersebut seterusnya telah menjadi tunggak pencetusan inspirasi revolusi proletariat di China pada kemudian harinya.

Justeru itu, peranan Li Dazhao dalam menyebarkan idea-idea Marxisme kian menampakkan kepentingannya. Menurut tafsiran dan pengiktirafan umum, Li Dazhao

⁵² Ibid., hlm 55.

⁵³ Jonathan D. Spence, *The Search for Modern China*, hlm 306.

merupakan Marxis yang pertama di China.⁵⁴ Beliau menyanjung tinggi makna yang dibawa oleh Revolusi Oktober. Dalam rencana-rencana yang ditulis pada 1918, beliau telah mula menggunakan pendekatan dan pandangan Marxisme, seperti teori pertentangan kelas untuk menganalisa punca-punca tercetusnya Perang Dunia Pertama dan Revolusi Oktober.

Barangkali pandangan sejarahnya pada ketika itu perlu diberikan perhatian. Li Dazhao mengatakan bahawa: "Sejarah itu, rekod bagi prestasi psikologi yang umum. Maka sejarah yang berautoriti, dapat menggegarkan hati beratus-ratus juta orang, sementara hanya dengan menuliskan sejarah dalam hati beratus-ratus juta orang, barulah dapat memiliki autoriti yang mampu menggegarkan hati beratus-ratus juta orang."⁵⁵ Meisner melihat pandangan sedemikian mencerminkan bahawa, pengajian sejarah bagi sejarawan Marxis China moden yang pertama itu haruslah berkhidmat untuk tujuan politik, yang sememangnya serupa dengan para pengikut Konfusian yang sebelumnya.⁵⁶

Boleh dikatakan bahawa, sebaran idea-idea Marxisme di China sehingga tercetusnya Revolusi Oktober di Rusia adalah amat terhad. Hasil penulisan Karl Marx tidak banyak diperkenalkan ke China, ataupun dalam bentuk sedutan yang tidak lengkap dengan terjemahan ke dalam bahasa Mandarin yang memang banyak kesilapannya. Versi terjemahan lengkap ke dalam bahasa Mandarin bagi buku *Manifesto Komunis* yang pertama dihasilkan oleh Chen Wangdao dan diterbitkan di Shanghai hanya pada bulan April 1920.⁵⁷

Dalam memberi ulasan ke atas sebab-sebab pengaruh Marxisme tidak begitu ketara sebelum era Gerakan Empat Mei sungguhpun Marx dan Engels telah diiktiraf sebagai pengasas "sosialisme saintifik", sejarawan China moden yang terkenal, Immanuel C. Y. Hsu telah menjelaskan bahawa, pengaruh Marxisme hanya diperluaskan apabila kejayaan

⁵⁴ Berkenaan dengan kepentingan Li Dazhao dalam penyebaran Marxisme di China serta kemunculannya sebagai Marxis China yang pertama, sila rujuk Peng Ming, *Wusi Yanjiu* (Kajian Empat Mei) (Kaifeng: Henan Daxue Chubanshe, 1994), hlm 193-199.

⁵⁵ "Fa E geming zhi bijiao guan" (Pandangan secara perbandingan di antara revolusi di Perancis dan Rusia), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 58.

⁵⁶ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 155.

⁵⁷ Chen Zhesu, Jiang Ronghai dan Wu Pi, *Ershi Shiji Zhongguo Sixiangshi* (Sejarah Intelektual China pada Kurun Keduapuluh), Jilid 1, hlm 232.

Revolusi Bolshevik telah memperbesar-besarkan kekuatan ideologi tersebut.⁵⁸ Beliau melanjutkan hujahnya bahawa, ramai intelektual China telah kehilangan keyakinan terhadap Barat selepas pengumuman Versailles ke atas Shandong, dan mendapat bahawa adalah sukar untuk menerima Barat sebagai guru dan penindas secara serentak. Justeru itu, idea-idea dan ideologi yang kritikal terhadap Barat telah mendapat hati di kalangan intelektual dan didapati terkandungnya elemen-elemen yang berkekuatan, yang antaranya falsafah revolucioner oleh Marx.⁵⁹

Seperti yang dihujahkan oleh Maurice Meisner, minat ke atas sosialisme tersebut tidak secara tulen dari segi intelektual, tetapi lebih kepada cerminan kebencian nasionalistik mereka yang mendalam terhadap Barat yang kapitalis. Lebih-lebih lagi, sosialisme merupakan suatu bentuk demokrasi Barat yang paling tinggi darjatnya dan masih belum direalisasikan, tetapi suatu bentuk demokrasi yang telah ditolak oleh order sosial dan politik Barat dan ditolak di dalam hubungan di antara China dan kuasa-kuasa Barat yang sedia wujud pada ketika itu. Para intelektual telah menjumpai satu kaedah di dalam sosialisme untuk menolak kedua-dua tradisi China pada zaman lampau dan dominasi Barat pada dewasa itu.⁶⁰ Dengan berlandaskan pandangan yang sama, Immanuel Hsu menyatakan bahawa, sosialisme telah dilihat sebagai satu matlamat yang belum direalisasikan di Eropah Barat dan Amerika, dan penerimaannya di China akan meletakkan China di hadapan negara-negara kapitalis secara ideologi. Kepuasan psikologi yang halus ini, yang dijana oleh suatu kekecewaan umum terhadap Barat dan suatu hasrat sulit untuk mengatasi Barat, telah secara khususnya menjadikan Marxism begitu menarik perhatian.⁶¹

Li Dazhao merupakan individu yang mula-mula sekali tertarik hati ke atas Marxism. Seperti yang dicadangkan oleh Meisner, Li Dazhao telah berdiri secara seorang diri dalam erti kata yang sebenar, sebagai penaung bagi Bolshevisme dan penyebar Marxism di China

⁵⁸ Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, hlm 514.

⁵⁹ Ibid., hlm 514-515.

⁶⁰ Sila rujuk Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 100.

⁶¹ Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, hlm 515.

pada musim bunga 1919.⁶² Tiada tokoh lain yang terkemuka di kalangan intelektual China yang memberikan maklum balas terhadap pandangan hangat Li Dazhao ke atas Revolusi Oktober, melainkan beberapa orang pelajar. Di samping latar belakang perkembangan sosial dan intelektual pada ketika itu seperti yang dibincangkan di atas, Li Dazhao telah bertindak sebagai perintis dalam pengkajian dan penyebaran idea-idea Karl Marx di China dengan didorong oleh pengalaman dan inisiatif dirinya sendiri.

Li Dazhao mula didedahkan kepada teori Marxisme dalam tahun-tahun awalnya semasa belajar di Jepun. Beliau telah mengkaji teori ekonomi politik Marxisme, menerusi hasil karangan Kawakami Hajime, penterjemah dan penginterpretasi Marx yang terkenal di Jepun.⁶³ Peng Ming, pengkaji Gerakan Empat Mei yang terkenal di China telah meletakkan kajian-kajian Kawakami Hajime sebagai faktor dan pengaruh yang terbesar dalam proses pendedahan dan pemahaman Li Dazhao terhadap Marxisme.⁶⁴ Keasyikan terhadap kewajipan sosial yang mengambil berat tentang nasib rakyat jelata telah mengalihkan tumpuan Li Dazhao ke atas Revolusi Rusia untuk mencari ilham bagi menegakkan keadilan sosial di China.⁶⁵

Masa dari tahun 1918 sehingga penubuhan PKC pada tahun 1921, menjadi tempoh transformasi yang penting dalam perkembangan pemikiran Li Dazhao. Pencetusan Revolusi Oktober Rusia pada tahun 1917 telah menjadi inspirasi bagi Li Dazhao untuk menjelma daripada pendukung demokrasi radikal kepada penganut Marxisme.⁶⁶

⁶² Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 95.

⁶³ Ibid., hlm 56.

⁶⁴ Dengan membandingkan kedua-dua rencana "Pandangan saya mengenai Marxisme" oleh Li Dazhao dan "Sistem teori dalam Sosialisme Marx" oleh Kawakami Hajime sebagai contoh, Peng Ming mendapat bahawa, bukan sahaja rencana Li Dazhao tersebut telah banyak merujuk kepada perolehan kajian Kawakami Hajime, tetapi karangan-karangan Kawakami Hajime telah menjadi media perantaraan yang penting bagi Li Dazhao untuk mendalami teori-teori Marxisme. Untuk perbandingan Peng Ming yang diterjemahkan dalam bentuk jadual, berserta dengan huraiannya tentang pengaruh Kawakami Hajime ke atas pengajaran Marxisme oleh Li Dazhao, sila rujuk Peng Ming, *Wusi Yanjiu* (Kajian Empat Mei), hlm 180-187.

⁶⁵ Huang Sung-kang, *Li Ta-chao and the Impact of Marxism on Modern Chinese Thinking*, hlm 23.

⁶⁶ Dai Luming, "Wusi sixiang jieshang yundong de xianqu Li Dazhao" (Pelopor Gerakan Liberalisasi Pemikiran Empat Mei - Li Dazhao), Hu Hua (penyunting), *Wusi Shiqi de Lishi Renwu* (Tokoh Sejarah Era Empat Mei) (Beijing: Zhongguo Qingnian Chubanshe, 1979), hlm 16.

Pada 11 November 1918, Perang Dunia Pertama telah tamat. Orang China gembira melihat tamatnya perang. Kerajaan China telah mengisyiharkan cuti selama tiga hari, malah perarakan besar-besaran telah diadakan di Beijing sebagai salah satu acara tumpuan dalam sambutan berakhirnya perang. Para pemimpin intelektual moden di China telah menaruh harapan yang tinggi terhadap masa depan dunia pasca perang.⁶⁷ Namun, deklarasi sanjungan Li Dazhao terhadap Revolusi Bolshevik seolah-olah menjadi lebih signifikan pada ketika itu. Semasa mengirim syarahan pada perayaan kemenangan perang oleh komuniti Beijing di Taman Sentral, Li Dazhao menyatakan, tamatnya Perang Dunia Pertama adalah kemenangan rakyat jelata, mereka beraya-raja demi menyambut kemenangan untuk rakyat jelata seluruh dunia.⁶⁸

Bermula dari Julai 1918, Li Dazhao telah mengemukakan banyak rencana, antaranya yang terkenal misalnya, “Kemenangan rakyat jelata” (Shumin de shengli) dan “Kemenangan Bolshevisme” (Bolshevism de shengli), demi memperkenalkan Revolusi Oktober kepada rakyat China. Dengan lantang, beliau telah mengumumkan kepada khalayak umum bahawa:

Bermula dari sekarang, yang kelihatan di merata tempat, adalah bendera-bendera kemenangan Bolshevisme. Yang kedengaran di merata tempat, adalah suara kejayaan Bolshevisme. Siren perikemanusiaan sudah berdengung! Sinaran subuh kebebasan sudah kelihatan! Cuba lihat, dunia global kelak, semestinya dunia bendera merah!⁶⁹

Menyentuh tentang maksud Bolshevisme pula, Li Dazhao mengatakan bahawa, Bolshevisme adalah ideologi yang didukung oleh golongan Bolsheviki di Rusia.⁷⁰ Beliau menjelaskan bahawa:

⁶⁷ Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm 85.

⁶⁸ “Shumin de shengli” (Kemenangan rakyat jelata), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 100. Rencana ini merupakan teks ucapan Li Dazhao yang dikirimkan di Taman Sentral, Beijing dan telah disiarkan di dalam *Harian Universiti Peking*, keluaran 6 Disember 1918. Sila rujuk *LDZWJ*, Jilid 2, hlm “nota pengarang”, hlm 240.

⁶⁹ “Bolshevism de shengli” (Kemenangan Bolshevisme), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 110.

⁷⁰ “Bolsheviki” secara kasarnya dirujuk sebagai kumpulan “orang majoriti”, sila rujuk deklarasi Lenin dalam Stuart Ramsay Tompkins, *The Triumph of Bolshevism: Revolution or Reaction?*, hlm 283. Rujuk juga Alexander V. Pantsov, “Bolshevik concepts of the Chinese Revolution, 1919-1927,” dalam Mechthild Leutner, et. al. (penyunting), *The Chinese Revolution in the 1920s: Between Triumph and Disaster* (London & New York: RoutledgeCurzon, 2002), hlm 30-43.

Ideologi mereka, merupakan sosialisme yang revolusioner; Parti mereka, merupakan parti sosialis yang revolusioner; Mereka mendukung ahli ekonomi sosialisme Jerman, Marx sebagai pengasasnya; Matlamat mereka, adalah untuk memecahkan sempadan negara yang dilihat sebagai halangan kepada sosialisme, dan menghancurkan sistem pengeluaran yang keuntungannya dimonopoli oleh golongan kapitalis.”⁷¹

Golongan tersebut ingin menyatukan rakyat jelata proletariat sedunia untuk mencipta satu kampung halaman yang bebas, dengan memanfaatkan kuasa penentangan yang paling besar dan paling kuat daripada mereka. Li Dazhao melihat cita-cita tersebut sebagai ideologi bagi Bolsheviki, dan dogma baru dalam revolusi dunia pada kurun keduapuluh.⁷²

Dalam memberi komen tentang kesimpulan mengenai perang dahsyat itu, Li Dazhao menyatakan bahawa, “itu bukan kemenangan oleh kekuatan militer Kuasa Bersekutu, tetapi kemenangan semangat baru umat manusia sedunia.”⁷³ Analisis Li Dazhao terhadap tamatnya Perang Dunia Pertama adalah seperti berikut:

Perang besar kali ini membawa dua akibat: satu dari segi politik, dan satu lagi dari segi sosial. Akibat dari sudut politik, itu kekalahan “Pan...isme”, dan kemenangan demokrasi. … “Pan...isme” merupakan istilah samaran bagi autokrasi, iaitu ideologi yang menganiaya dan menindas orang lain dengan kekuatan sendiri. Adanya ideologi sebegini, masyarakat manusia tidak akan tenteram. … Peperangan di Eropah merupakan peperangan di antara “Pan...isme” dan demokrasi. Peperangan di dalam negara kita, juga peperangan di antara “Pan...isme” dan demokrasi. Kemenangan demokrasi adalah kemenangan rakyat jelata. Akibat dari sudut sosial pula, itu kekalahan kapitalisme dan kemenangan proletarianisme. … Kemenangan pekerja, juga merupakan kemenangan rakyat jelata.⁷⁴

Li Dazhao yang menyanjung tinggi keazaman rakyat dengan tegas menolak imperialism. Beliau merumuskan kejadian imperialis melancarkan peperangan sebagai akibat wajar dalam perluasan kuasa dan produktiviti di bawah kapitalisme. Beliau menggambarkan dunia kelak akan menjadi dunia buruh. Dunia akan menjadi sebuah kilang raksasa, di mana semua orang akan bekerja dan makan bersama di situ. Beliau menyeru agar orang China yang malas dan tamak, harus bertukar tabiat menjadi salah seorang rakyat biasa

⁷¹ “Bolshevism de shengli” (Kemenangan Bolshevisme), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 106.

⁷² Ibid., hlm 107.

⁷³ “Shumin de shengli” (Kemenangan Rakyat Jelata), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 100.

⁷⁴ Ibid., hlm 100-102.

di dunia, dan harus menjadi seorang buruh di dunia.⁷⁵ Penulisan-penulisan sebegini bukan sahaja menampakkan Li Dazhao mula menunjukkan pendirian sebagai seorang penganut Marxisme, tetapi juga merupakan usaha awalnya sebagai penyebar idea-idea Marxisme yang pertama di China.

Pada awal tahun 1919, Li Dazhao dengan suara yang penuh harapan dan kemeriahinan, menyambut Tahun Baru 1919 sebagai permulaan satu “era baru” bagi kehidupan umat manusia. Dengan menafikan kesahihan teori evolusi persaingan Darwinisme, dan mengatakan bahawa evolusi hidupan tidak bergantung kepada persaingan tetapi bergantung kepada bantu-membantu, Li Dazhao telah membantah segala kemusnahan, perang dan perluasan kuasa:

Bermula dari sekarang, semua orang sedar bahawa sekiranya sistem pengeluaran dapat diperbaiki, sempadan-sempadan negara dapat diatasi, umat manusia akan dapat menikmati peluang untuk sama-sama bekerja, dan segala kesusahan, kemiskinan, wabak penyakit, perampasan, akan dapat dihapuskan dengan sendirinya. … Dahulu kala di bawah sistem pengeluaran kapitalisme, seandainya sesebuah negara ingin memperluaskan kuasa kelas kapitalis di negaranya, akan memecahkan sempadan negara menerusi perang, untuk mencantumkan seluruh dunia menjadi satu organisasi ekonomi, menguasai seluruh dunia dengan kerajaan kapitalis negaranya itu. Bermula dari sekarang, sistem pengeluaran akan menghadapi satu perubahan yang besar, kelas buruh akan bergabung dengan rakan-rakan mereka di seluruh dunia, untuk membentuk satu kesatuan pengeluar-pengeluar yang rasional, bagi memecahkan sempadan-sempadan negara, dan menjatuhkan kelas kapitalis di seluruh dunia. … Di dalam sinaran subuh ini, segala penghinaan, penderitaan dan dosa manusia akan hilang lesap bagai ais didedahkan kepada matahari pada musim bunga. Segala pepatung peninggalan sejarah, seperti maharaja, gabenor hulubalang, bangsawan, kapitalisme, dan imperialism akan digugurkan bagai daun-daun layu dititiup angin pada musim luruh. Era baru ini era baru bagi revolusi dunia, era baru bagi kesedaran manusia.⁷⁶

Sebagai salah seorang anggota di kalangan intelektual di Beijing yang kelihatan lebih idiosinkratik, beliau telah berjaya memegang teguh kepada pandangan tersendirinya mengenai perkembangan sejarah. Berlainan dengan pandangan Darwinisme sosial yang popular pada ketika itu, Li Dazhao percaya bahawa sejarah akan berupaya memecahkan

⁷⁵ Ibid., hlm 102-103.

⁷⁶ “Xin jiyuan” (Era baru), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 128-130.

strukturnya yang statik dengan suatu Semangat Dunia Sejagat yang bersatu dan berjiwa muda.⁷⁷ Dengan berbekalkan kepercayaan dan harapannya yang sedemikian, beliau sedia menerima mesej Revolusi Bolshevik sebagai isyarat awal bagi satu gerakan sejarah baru yang akan memperlihatkan “segala penghinaan, penderitaan dan dosa manusia akan hilang lesap” dan “segala pepatung peninggalan sejarah, seperti maharaja, gabenor hulubalang, bangsawan, kapitalisme, dan imperialisme akan digugurkan”.

Turut diperhatikan bahawa, penulisan-penulisan Li Dazhao pada tempoh ini selain menekankan sentimen nasionalistik yang masih kuat dari sudut modenisasi China, juga mula menunjukkan suatu kecenderungan internasionalisme yang lebih bersifat universal dalam membincangkan soal revolusi menerusi perspektif dunia sejagat.⁷⁸ Revolusi Oktober Rusia telah memberi inspirasi kepada Li Dazhao untuk mengkaji paradoks yang terjadi di antara kuasa-kuasa imperialis yang kapitalis. Beliau mengkritik hebat imperialisme di dalam dunia kapitalis sebagai benih yang mengancam kedamaian dunia, sebaliknya menyanjung tinggi revolusi sosialisme di Rusia sebagai harapan kedamaian. Seperti yang dirumuskan oleh Maurice Meisner, di kalangan tokoh-tokoh intelektual yang terkenal dalam tempoh masa sebelum Gerakan Empat Mei, tidak ada orang lain yang telah mencurahkan lebih banyak usaha daripada Li Dazhao, dalam memberi inspirasi dan pengaruh ke atas arus kecenderungan intelektual dan politik yang kemudiannya.

Li Dazhao sudah meletakkan misi menggerakkan suatu revolusi Marxis sejak lama sebelum beliau mula mengambil kira ke atas teori Marxis secara serius. Dengan itu, beliau bukan sahaja berhadapan dengan masalah mengkaji Marxisme, tetapi menghadapi masalah yang lebih sukar lagi dalam mengadaptasi Marxisme kepada keperluan-keperluan revolusi yang khusus dalam persekitaran sejarah China. Maka adalah wajib untuk menginterpretasi

⁷⁷ Sila rujuk Benjamin I. Schwartz, “Themes in intellectual history: May Fourth and after,” dalam Merle Goldman dan Leo Ou-Fan Lee (penyunting). *An Intellectual History of Modern China* (Cambridge: Cambridge University Press, 2002), hlm 121.

⁷⁸ Sila rujuk Cheng Nong, “Chonggou kongjian: 1919 qianhou Zhongguo jijin sixiang li de shijie gainian” (Menstruktur semula dimensi ruangan: konsep dunia dalam pemikiran radikal China di sekitar tahun 1919), *Ershiyi Shiji* (Dwibulan Abad Keduapuluh Satu), Oktober 1997 (Keluaran Ke-43).

teori Marxis agar ia dapat diaplikasi kepada tugas mengorganisasikan satu gerakan politik yang revolusioner di dalam persekitaran China.⁷⁹

Sementara itu, perkembangan di Rundingan Perdamaian Versailles yang bermula pada 18 Januari 1919 telah menghamparkan para intelektual China yang sebelum itu menaruh harapan yang tinggi terhadap masa depan China selepas perang. China berhadapan dengan situasi yang tertekan dengan negara-negara British, Perancis dan Itali telah bersetuju untuk menjamin kepentingan Jepun di wilayah Shandong, bekas tanah taklukan Jerman di China.⁸⁰ Apabila berita tentang keputusan Rundingan Perdamaian Versailles untuk menyerahkan kepentingan Jerman di Shandong kepada Jepun sampai di China pada akhir bulan April, orang China tiba-tiba terjerumus di dalam suatu keadaan yang kecewa dan geram.

4.4 Interpretasi semula Marxisme di kemuncak Gerakan Empat Mei

Atas kekecewaan dan kegeraman yang membara, permintaan masyarakat umum untuk menuntut pembaharuan yang menyeluruh semakin memuncak. Pada 4 Mei 1919, pelajar di Beijing berdemonstrasi bagi mengemukakan protes terhadap polisi kehinaan oleh kerajaan China di atas tangan Jepun. Rentetan itu, satu siri insiden permogokan yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah dan universiti, pekerja-pekerja dan peniaga-peniaga telah berlaku dan akhirnya mencetuskan pergolakan sosial dan suatu revolusi intelektual. Tidak lama kemudian, aliran gerakan yang memuncak itu telah dinamakan dengan istilah “Gerakan Empat Mei”.⁸¹

⁷⁹ Maurice Meisner, “Li Ta-chao and the intellectual prerequisites for the Maoist strategy of revolution,” dalam Chun-tu Hsueh (penyunting), *Revolutionary Leaders of Modern China* (New York: Oxford University Press, 1971), hlm 378.

⁸⁰ Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm 86-87.

⁸¹ Untuk mendapat gambaran yang jelas dan terperinci mengenai keseluruhan perkembangan Gerakan Empat Mei, sila merujuk hasil kajian terkenal Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, Bab keempat: hlm 84-116; atau Peng Ming, *Wusi Yundongshi* (Sejarah Gerakan Empat Mei), Bab kesembilan: hlm 263-324.

"Gerakan Empat Mei" ini telah diberi pelbagai tafsiran tentang definisi dan implikasinya.⁸² Ini telah menjadikan Gerakan Empat Mei bukan sahaja subjek kajian kepada para sejarawan, tetapi simbol spiritual bagi keseluruhan bangsa China. Menurut pengkaji Gerakan Empat Mei yang terkenal, Profesor Chow Tse-tsung, "Gerakan Empat Mei" yang dierangkan dengan maksud kandungan yang lebih luas skop perbincangannya, dirujuk kepada insiden-insiden utama yang berlaku di sekitar tahun 1917 hingga 1921. Disebabkan pengutusan "21 Permintaan" oleh Jepun pada tahun 1915 dan resolusi penyerahan Shandong kepada Jepun dalam Rundingan Perdamaian Versailles pada tahun 1919, semangat patriotisme dan sentimen anti imperialis asing telah disemarakkan di kalangan rakyat China. Pelajar-pelajar dan pemimpin-pemimpin intelektual yang baru sahaja bangkit di arena sosial China, berbekalkan sokongan sentimen massa khalayak ramai telah merancakkan satu siri kegiatan anti-Jepun dan gerakan modenisasi yang besar-besaran dengan impian untuk membina sebuah negara China yang baru menerusi reformasi pemikiran dan sosial. Prinsip-prinsip etika moral, adat resam, sastera, sejarah, falsafah, agama serta sistem sosial dan politik dalam masyarakat tradisional China telah diasak dengan hentaman kritikan yang hebat. Mereka cuba memperkenalkan idea-idea moden dari Barat, terutamanya konsep "sains dan demokrasi" untuk mencurahkan darah segar ke dalam masyarakat China sebagai langkah awal dalam proses modenisasi China.⁸³

Li Dazhao yang pada ketika itu berkhidmat di Universiti Peking yang merupakan pusat penggerak utama bagi gerakan tersebut, telah memainkan peranan yang aktif.

⁸² "Gerakan Empat Mei" mencerminkan satu fenomena sosial yang rumit, antaranya merangkumi kemunculan aliran-aliran pemikiran baru, Revolusi Kesusasteraan, gerakan pelajar, permogokan bidang perniagaan dan perindustrian, gerakan anti barang Jepun, serta pelbagai agenda reformasi yang dikemukakan oleh golongan intelektual baru. Malahan dalam kajian-kajian yang terbaru, sejarah Gerakan Empat Mei telah dilihat sebagai suatu tradisi yang diinterpretasi, terutamanya oleh golongan-golongan yang berasal daripada pegangan ideologi yang berlainan. Bagi kajian yang berkenaan, sila rujuk Ouyang Zheseng, "Bei jieshi de chuantong - Wusi huayu zai xiandai Zhongguo" (Tradisi yang diinterpretasi □ Discourse Empat Mei di China moden), dalam Hou Kok Chung (He Guozhong) (penyunting), *Shehui Bianqian yu Wenhua Quanshi* (Perubahan Sosial dan Interpretasi Budaya) (Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies, 2002), hlm 29-72. Untuk keterangan lanjut tentang pendefinisian maksud kandungan dan implikasi Gerakan Empat Mei di dalam konteks yang berbeza, sila rujuk Bab pertama, Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm 1-18.

⁸³ Sila rujuk Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm 1-2.

Kebencian Li Dazhao terhadap imperialis tersebut dalam tempoh Gerakan Empat Mei. Dengan lantang beliau mengkritik “dunia kini dunia perompak”, dan membantah keras Rundingan Perdamaian Versailles sebagai suatu tindakan “menentang perlakuan perompakan”. Beliau mengutarakan usul mengubah dunia perompak, tidak mengiktiraf hubungan (diplomatik) sulit, dan mempraktikkan kedaulatan bangsa diri. Api yang membawa daripada Li Dazhao ke atas rundingan tersebut merupakan satu refleksi benar terhadap perasaan pelajar yang berdemonstrasi pada hari bersejarah Empat Mei itu.⁸⁴

Li Dazhao dalam karyanya, “Kemenangan rakyat jelata” dan “Kemenangan Bolshevisme”, telah jelas menandakan penerimaan beliau terhadap idea-idea Marxisme. Beliau melihat Gerakan Empat Mei bukan hanya sebagai gerakan patriotik, tetapi juga sebahagian daripada keseluruhan gerakan membebaskan umat manusia sejagat. Gerakan Empat Mei dalam konteks ini, turut dianggap sebagai sebahagian daripada kebangkitan revolusi proletariat.⁸⁵ Pada ketika itu, Li Dazhao telah melihat imperialisme sebagai binaan di atas lekuk lombong arang batu, yang kekosongan asas, dan dengan mudah dapat dikalahkan. Di sebalik sokongan padunya terhadap Marxisme, Li turut menyemarakkan semangat dan keyakinan rakyat China untuk menentang imperialis dan memperoleh kebebasan.

Sememangnya sukar untuk menentukan tahap penerimaan Li Dazhao sebagai seorang Marxis, dan kefahaman serta kepercayaannya terhadap kandungan tradisi Marxisme, walaupun beliau telah giat menjalankan promosi menyebarkan idea-idea Marxisme sepanjang tempoh Gerakan Empat Mei. Pengkajian teori Marxisme di sekitar tahun 1918-1919 telah dilihat sebagai satu tempoh peralihan di antara individualisme dengan sosialisme dan

⁸⁴ Huang Sung-kang, *Li Ta-chao and the Impact of Marxism on Modern Chinese Thinking*, hlm 7.

⁸⁵ Lü Mingzhuo, “Li Dazhao zai Wusi yundong shiqi de chedi fandi sixiang” (Pemikiran anti-monarki Li Dazhao semasa era Gerakan Empat Mei), *Jinian Wusi Yundong Lushishi Zhounian Xueshu Taohunhui Lunwenxuan* (Tesis Pilihan Seminar Akademik Memperingatkan Ulang Tahun Gerakan Empat Mei yang Keenam puluh), Jilid 2 (Beijing: Zhongguo Shehuikexue Chubanshe, 1980), hlm 160.

humanisme dalam anutan sahaman hidup Li Dazhao.⁸⁶ Kecenderungan ini sememangnya dapat dibuktikan menerusi penulisannya pada tempoh masa tersebut.⁸⁷

Perkembangan tersebut adalah sejajar dengan meningkatnya minat khalayak ramai ke atas teori Marxisme dan liputan media terhadap doktrin Karl Marx. Dalam keluarannya pada Mei 1919, Majalah *Pemuda Baru* telah menerbitkan edisi khas tentang kajian Marxisme dengan kerja penyuntingannya yang diketuai oleh Li Dazhao. Dalam edisi khas "Marxisme" keluaran tersebut (masa penerbitannya yang sebenar pada bulan September, disebabkan kelewatan), telah dipaparkan banyak rencana yang menganalisis konsep Marxisme dan kritikan terhadap teori metodologi Marx dari sudut pandangan yang bersifat akademik. Li Dazhao yang selaku ketua editorial edisi khas itu menyatakan hasratnya untuk memperkenalkan idea Marxisme agar memberi manfaat kepada golongan pembaca di China.⁸⁸

Li Dazhao melihat idea-idea Marxisme sebagai teori yang menjadi dinamik penciptaan semula dunia ini.⁸⁹ Berikutnya dengan perubahan besar yang berlaku di seluruh dunia, ideologi tersebut semakin mendapat perhatian ramai. Peluang untuk mencipta semula dunia ini sudah kelihatan sinaran subuhnya di negara-negara seperti Rusia dan Jerman.⁹⁰ Li Dazhao telah mengemukakan sebuah rencana, hasil daripada kajiannya mengenai teori Marxisme, yang berjudul "Pandangan saya mengenai Marxisme" (*Wo de Makesi zhuyi guan*). Rencana tersebut telah memperkenalkan teori Marxisme mengikut tiga komponen yang utama: iaitu konsepsi sejarah materialistik, teori ekonomi politik dan teori gerakan sosialisme, yang masing-masing dilabelkannya sebagai teori tentang zaman dahulu, kini, dan

⁸⁶ Teng Ssu-yu dan John K. Fairbank, *China's Response to the West - a documentary survey 1839-1923* (Cambridge: Harvard University Press, 1954), hlm 246.

⁸⁷ Contohnya dalam "Wo de Makesi zhuyi guan" (Pandangan saya mengenai Marxisme), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 231. Li Dazhao percaya bahawa, kesempatan untuk merealisasikan pembinaan semula dunia ini sudah bermula. dan inilah zaman peralihan dari individualisme ke sosialisme dan humanisme.

⁸⁸ Ibid., hlm 229.

⁸⁹ Ibid..

⁹⁰ Ibid., hlm 231.

kelak.⁹¹ Beliau menegaskan bahawa, doktrin Marxisme telah membentuk satu struktur organisasi yang sistematik dan berorganik, ketiga-tiga komponen teori Marxisme tersebut mempunyai pertalian yang tidak boleh dipisahkan, sementara teori perjuangan kelas umpama seutas benang emas yang merangkaikan ketiga-tiga prinsip ini dari asasnya.⁹²

“Sejarah bagi semua masyarakat yang wujud sehingga kini merupakan sejarah perjuangan-perjuangan kelas.” Demikianlah ungkapan yang terkenal daripada Marx dalam baris pertama *Manifesto Komunis*.⁹³ Li Dazhao dalam rencana ini telah menganalisis secara mendalam tentang konsep perjuangan kelas dan masalah pengeksploritasian Kapitalisme. Kedua-dua konsep “perjuangan kelas” (*class struggle*) dan “eksplorasi Kapitalis” (*Capitalist exploitation*) masih belum diperkenalkan di China pada ketika itu, dan disebabkan oleh kepopularan majalah *Pemuda Baru* maka konsep-konsep tersebut dapat disebarluaskan dengan serta-merta di kalangan pembaca di seluruh negara China.⁹⁴ Semenjak Gerakan Empat Mei hingga penubuhan PKC pada tahun 1921, majalah *Pemuda Baru* telah menyiarkan lebih seratus tiga puluh buah rencana yang memperkenalkan Revolusi Rusia serta Marxisme, dan menjadi bahan bacaan yang paling penting dalam penyebarluasan Marxisme.⁹⁵ Ternyata hasrat Li Dazhao untuk memperkenalkan idea Marxisme itu mencapai sasarannya.

Rencana “Pandangan saya mengenai Marxisme” oleh Li Dazhao ini telah dilihat sebagai sebuah esei yang sistematik dalam memperkenalkan teori Marxisme pada ketika itu.⁹⁶ Beliau cuba menerangkan hubungan antara daya pengeluaran dengan jumlah pengeluaran, dan asas ekonomi dengan “struktur aras atas” (*super-structure*), berdasarkan penulisan

⁹¹ Ibid., hlm 232.

⁹² Ibid., hlm 233.

⁹³ Sila rujuk Karl Marx dan Friedrich Engels, *The Communist Manifesto* (Baltimore, Maryland: Penguin Books, 1967), hlm 79.

⁹⁴ Jonathan D. Spence, *The Search for Modern China*, hlm 306.

⁹⁵ Sila rujuk Li Zhongzhi dan Yu Zhi, *Hongse Zuji* (Tapak Kaki Warna Merah) (Shenyang: Liaohai Chubanshe, 2001), hlm 31.

⁹⁶ Hou Wailu, *Zhongguo Sixiangshigang* (Sejarah Intelektual China) (Taipei: Wunan Tushu Chuban Gongsi, 1993), hlm 648.

Marx dan Engels. Beliau juga cuba menjelaskan rasional pencepatan revolusi sosial yang berdasarkan perkembangan sosial yang mempunyai objektivitinya.

Rencana ini meninggalkan tanggapan yang impresif sebagai sebuah kajian yang objektif dan adil saksama.⁹⁷ Penulisan ini telah dicipta dalam suatu kerangka pemikiran yang jauh berbeza daripada yang ditunjukkan oleh Li Dazhao dalam penulisan "Kemenangan rakyat jelata" dan "Kemenangan Bolshevisme" yang digerakkan oleh sentuhan emosional yang tinggi.⁹⁸ Namun, beliau tetap menyanjung tinggi peranan rakyat dalam perkembangan masyarakat sebagai orientasi pemikirannya yang tidak pernah berubah-ubah. Beliau melihat salah satu sumbangan besar Marxisme adalah mendeklarasi dengan jelas bahawa realisasinya sosialisme tidak akan tercapai tanpa penyertaan rakyat jelata.⁹⁹

Karl Marx sendiri tidak melihat konsepsi materialisme sejarah sebagai satu sistem falsafah yang baru, tetapi lebih kepada satu kaedah yang praktikal bagi analisis sosial dan sejarah, dan satu asas bagi strategi politik.¹⁰⁰ Sementara Li Dazhao melihat konsepsi sejarah materialistik (atau materialisme sejarah) sebagai asas dan titik tolak dalam keseluruhan sistem teori Karl Marx.¹⁰¹ Beliau telah merumuskan konsepsi sejarah materialistik kepada dua poin yang utama:

⁹⁷ Meskipun terdapatnya penerangan yang tidak sempurna, malah tidak tepat dan jitu analisisnya di dalam ese ini disebabkan batasan zaman dan kekurangan sumber rujukan, penulisan tersebut telah dilihat sebagai sebuah dokumen yang penting dalam sejarah penyebaran Marxism di China, dengan nilai dan pengaruhnya yang tinggi dari sudut pandangan akademik. Sila rujuk Liu Jianguo, " 'Wo de Makesi zhuyi guan' pingjie" (Ulasan bagi "Pandangan saya mengenai Marxism"), dalam Luo Bingliang (penyunting), *Pingmin Zhuyi* (Demokrasi Rakyat Jelata) (Beijing: Huaxia Chubanshe, 2002), hlm 63-64.

⁹⁸ Huang Sung-kang, *Li Ta-chao and the Impact of Marxism on Modern Chinese Thinking*, hlm 27.

⁹⁹ "Wo de Makesi zhuyi guan" (Pandangan saya mengenai Marxism), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 248.

¹⁰⁰ Isaiah Berlin, *Karl Marx: His Life and Environment* (London: Oxford University Press, 1963), hlm 122. Teori ini dilihat sebagai instrumen yang paling berkuasa dalam pemikiran dan pemahaman manusia. Dengan bantunya, golongan proletariat mendapat tahu kedudukannya di dalam masalah-masalah yang paling rumit dalam kehidupan sosial dan di dalam perjuangan kelas. "Materialisme sejarah" merupakan sosiologi proletariat bagi kelas pekerja. Sila rujuk Nikolai Bukharin, *Historical Materialism: A System of Sociology* (Ann Arbor, Michigan: The University of Michigan Press, 1969), hlm 14.

¹⁰¹ Sudah menjadi suatu pengetahuan umum, seperti yang difahamkan oleh Berlin, bahawa tiada karangan formal tentang materialisme sejarah yang diterbitkan oleh Karl Marx sendiri. Ia hanya dibentangkan dalam bentuk serpihan di dalam semua penulisan awalnya yang dikarang di sekitar tahun 1843-1848, dan telah diambil mudah sebagai sesuatu yang sudah sahih dalam pemikiran beliau kemudiannya (Isaiah Berlin, *Karl Marx: His Life and Environment*, hlm 122). Konsep "materialisme sejarah" telah ditampilkan untuk pertama kalinya oleh Marx dalam penulisan *The German Ideology*, yang dilihat sebagai tanda berakhirnya fasa pertama dalam proses evolusi intelektual Marx. Sila rujuk Karl Marx dan Friedrich Engels, *Feuerbach: Opposition of the Materialist and Idealist Outlooks* (London: Lawrence & Wishart, 1973), hlm 18-19 (Buku ini merupakan bahagian pertama

Yang pertama berkenaan dengan penjelasan terhadap pengalaman tamadun manusia; yang kedua merupakan teori evolusi organisasi masyarakat. Poin yang pertama menerangkan jumlah dalam hubungan pengeluaran di dalam masyarakat manusia, dan struktur yang membentuk ekonomi masyarakat. Inilah struktur asas bagi masyarakat. ... Poin yang kedua menerangkan hubungan yang erat di antara daya pengeluaran dengan organisasi masyarakat. Sekiranya ada perubahan pada daya pengeluaran, maka organisasi masyarakat mestilah berubah mengikut perubahannya.¹⁰²

Li Dazhao telah memetik banyak sedutan daripada penulisan-penulisan utama Karl Marx untuk membuktikan bahawa, analisis konsepsi sejarah materialistik telah menyatakan struktur ekonomi sebagai struktur asas sesebuah masyarakat.¹⁰³ Menurut pemerhatian Li Dazhao, teoretikus materialisme sejarah melihat fenomena perubahan ekonomi sebagai komponen yang paling penting dalam pemerhatian dan analisis fenomena masyarakat. Ini kerana fenomena ekonomi merupakan unsur yang mengalami perubahan yang paling ketara di antara elemen-elemen materialistik di dalam sesebuah sejarah.¹⁰⁴

Li Dazhao telah menjalankan kajian yang mendalam terhadap idea-idea Marxisme, dan dapat mengesan beberapa kelemahan dalam doktrin tersebut. Beliau telah mengemukakan pandangannya terhadap konsepsi sejarah materialistik berserta dengan teori perjuangan kelasnya seperti yang berikut:

Banyak aspek dalam doktrin-doktrin Marx yang telah dipertikaikan ramai. Antaranya, kontradiksi pada konsepsi sejarah materialistik dengan teori perjuangan kelas, merupakan satu poin yang paling penting. Ini kerana Marx telah mengakui daya pengeluaran sebagai dinamik penggerak sejarah (Marx berpendapat bahawa tiada perubahan maka tiadanya sejarah) di satu samping; sementara di samping yang lain telah mengatakan bahawa sejarah selama ini merupakan sejarah perjuangan kelas sepenuhnya, yakni perjuangan kelas sebagai prinsip mutlak sejarah, perjuangan kelas yang telah mencipta sejarah. Di satu pihak, [beliau] menafikan kegiatan kelas, ... di pihak yang lain pula, mengatakan kegiatan perjuangan kelas boleh melahirkan realiti yang sebenar dalam sejarah, dan menentukan kesekuruan hala tuju dalam evolusi masyarakat.¹⁰⁵

dalam *The German Ideology*). Turut rujuk juga Anthony Brewer (diterjemah oleh Joebaar Ajoeb), *Kajian Kritis Das Kapital Karl Marx* (Jakarta: Teplok Press, 1999), hlm 10.

¹⁰² "Wo de Makesi zhuyi guan" (Pandangan saya mengenai Marxisme), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 242.

¹⁰³ Ibid., hlm 237-242.

¹⁰⁴ Ibid., 233-234.

¹⁰⁵ Ibid., hlm 246.

Li Dazhao seterusnya memetik kritikan Eugenio Rignano terhadap Marx untuk dijadikan sandarannya bagi menjelaskan kontradiksi yang wujud pada doktrin Marx. Walau bagaimanapun, beliau tetap menyanjung tinggi pencapaian Marx dalam pembentukan doktrin-doktrin tersebut yang dilihatnya sebagai sumbangan besar dalam bidang sosiologi. Li memberi penghargaan yang tinggi terhadap sumbangan Marx dalam cubaan untuk menginterpretasi keseluruhan fenomena masyarakat dahulu dan kini dari aspek sosiologi, dengan berlandaskan prinsip-prinsip asas dalam pengajian ekonomi, perundangan dan sejarah. Beliau berpendapat bahawa, kelemahan dan kesilapan yang kecil dalam doktrin Marx tidak dapat menenggelami sumbangan dan pengaruh doktrin Marx di dalam bidang akademik dan intelektual.¹⁰⁶

Teori penentuan ekonomi dalam doktrin Marxisme telah bercanggahan dengan penginsafan etika yang ditekankan oleh golongan elit dalam Gerakan Empat Mei. Ada pendapat yang mengatakan bahawa, Li Dazhao telah memihak kepada peranan perkembangan ekonomi mengikut teori materialistik, dalam usaha menyelesaikan masalah secara fundamental. Kaedah “penyelesaian masalah secara fundamental” telah memperlihatkan anjakan dari penginsafan etika kepada transformasi ekonomi, iaitu bukan perkembangan daya pengeluaran, tetapi perubahan dalam kuasa ekonomi dan hak milik. Ini telah menjadi tumpuan perhatian golongan Marxis China selama beberapa generasi.¹⁰⁷

Walau bagaimanapun, dalam usaha menyebarkan pemikiran Marxisme, Li Dazhao telah menekankan aspek “etika” sebenarnya. Beliau sedar bahawa, teori Marxisme sentiasa dipertikaikan atas sebab doktrinnya yang mengetepikan sepenuhnya konsep-konsep etika moral. Li Dazhao membela pendirian Marx dengan mengatakan bahawa Marx tidak menolak cita-cita individu yang mulia dan luhur. Marx cuma berpendapat bahawa pendirian moral yang dicerminkan secara puratanya daripada ciri-ciri etika yang umum oleh keseluruhan

¹⁰⁶ Ibid., hlm 247.

¹⁰⁷ Wang Hui, “Zhongguo xiandai lishi zhong de Wusi ‘Qimeng’ Yundong” (Gerakan “Enlightenment” Empat Mei dalam sejarah moden China), *Wang Hui Zixuanji* (Koleksi Pilihan Diri Wang Hui) (Guilin: Guangxi Shisan Chubanshe, 1997), hlm 336.

anggota dalam masyarakat, tidak dapat memberikan kesan ke atas tindakan berkelompok yang berpunca daripada inisiatif terhadap kepentingan ekonomi.¹⁰⁸

Menurut Li Dazhao, etika moral merupakan suatu kemampuan semula jadi masyarakat untuk menyesuaikan diri dengan kehendak kehidupan sosial.¹⁰⁹ Dalam membincangkan perubahan material dan perubahan moral, beliau mendapati bahawa asas etika moral adalah berasal daripada alam semula jadi, daripada material, dan kehendak dalam hidup. Bagi Li Dazhao, sarjana yang telah bertanggungjawab dalam menjelaskan secara tepat mengenai kehendak moral yang tertinggi, ialah Darwin yang mengkaji asal-usul moral dari aspek binatang, dan Marx yang mengkaji perubahan moral dari aspek sejarah. Dengan itu, masalah-masalah yang berkenaan dengan etika moral telah mendapat satu kaedah penyelesaiannya.¹¹⁰

Li Dazhao berpendapat, sejarah yang sebenar dalam perbahasan Karl Marx, merupakan sejarah yang saling membantu, sejarah yang tiada perjuangan kelas. Marx telah menggariskan tempoh sejarah yang didorong oleh perjuangan kelas sebagai zaman pra-sejarah dalam sejarah manusia. Maka, sejarah manusia yang sebenar dan ideal dalam pemikiran Marx hanya akan bermula dengan tamatnya perjuangan kelas berserta dengan kaedah-kaedah pengeluaran yang saling bertentangan.¹¹¹ Li Dazhao dengan yakin mengatakan bahawa:

Dalam zaman di mana struktur ekonomi dibentuk menerusi pertentangan kelas, impian saling membantu dan konsep-konsep etika tidak pernah lenyap walaupun sehari, ianya cuma sering dihancurkan oleh struktur ekonomi, sehingga tidak dapat direalisasikan. … Apabila tibanya zaman yang mana struktur ekonomi dibentuk menerusi bantu-membantu sesama manusia, konsep etika bolehlah tidak dihancurkan oleh struktur ekonomi seperti dahulu.¹¹²

¹⁰⁸ "Wo de Makesi zhuyi guan" (Pandangan saya mengenai Marxisme), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 250.

¹⁰⁹ "Wuzhi biandong yu daode biandong" (Perubahan material dan perubahan moral), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 389.

¹¹⁰ Ibid., hlm 386.

¹¹¹ "Wo de Makesi zhuyi guan" (Pandangan saya mengenai Marxisme), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 251.

¹¹² Ibid..

Li Dazhao melihat pandangan ini sebagai kebenaran yang terkandung di dalam ajaran doktrin Karl Marx. Dengan itu, beliau menggalakkan usaha yang berlipat-ganda untuk menjalankan gerakan yang berperikemanusiaan dan yang mementingkan pengajaran etika pada zaman peralihan itu, demi mengikis tabiat dan anasir yang jahat dalam sejarah manusia, tanpa bergantung semata-mata kepada perubahan materialistik.¹¹³ Bagi Li Dazhao, ini merupakan aspek yang perlu diperbetulkan dalam ajaran Marx. Dengan itu, beliau telah mengaplikasikan idea “saling membantu” dalam teori Kropotkin yang dilihat sebagai doktrin anarkisme, dengan tujuan untuk menginterpretasikan semula teori perjuangan kelas dalam Marxisme.¹¹⁴

Li Dazhao kemudiannya telah menulis sebuah rencana yang membincangkan khas tentang hubungan perjuangan kelas dengan saling membantu, di dalam majalah *Komentar Mingguan*.¹¹⁵ Beliau mula-mula sekali menyatakan bahawa, etika sebagai akar pertunasaran bagi segala bentuk sosialisme. Sementara kerjasama dan persahabatan merupakan prinsip sejagat bagi kehidupan sosial manusia. Beliau kemudiannya membincangkan makna yang dibawa oleh teori “saling membantu” dan “perjuangan kelas”. Berpandukan idea Marx, Li Dazhao telah menyatakan bahawa:

Perjuangan kelas pada peringkat terakhir itu, merupakan kaedah untuk membina semula organisasi masyarakat. Prinsip-prinsip saling membantu pula, merupakan dogma untuk membina semula kerohanian manusia.¹¹⁶

Beliau yakin bahawa, hidup manusia bukan sentiasa dalam persaingan dan perampasan, tetapi sepatutnya sentiasa saling membantu dan penuh dengan kasih sayang persahabatan. Berlandaskan kepercayaan ini, Li Dazhao berharap perjuangan kelas akan

¹¹³ Ibid..

¹¹⁴ Dalam menghuraikan pengaruh anarkisme terhadap perkembangan Marxisme di China, Meisner memilih Li Dazhao sebagai contoh dengan mengatakan bahawa, sungguhpun Li kelihatan mempunyai minat yang mendalam terhadap teori anarkis yang terkenal, iaitu idea “saling membantu” oleh Kropotkin, namun minat tersebut hanya ditunjukkan selepas Li mendeklarasikan dirinya sebagai Marxis dan dengan jelas menunjukkan tujuannya semata-mata untuk mendapatkan pelengkap ke atas teori perjuangan kelas oleh Marx agar disesuaikan dengan keadaan realiti di China. Sila rujuk Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 13-14.

¹¹⁵ Teks penuhnya dalam “Jieji jingzheng yu huzhu” (Perjuangan kelas dan saling membantu), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 285-288.

¹¹⁶ Ibid., hlm 288.

berhenti, dan sinaran saling membantu akan terpancar cahayanya. Doktrin Marx perlu dilengkapi dengan konsep etika tersebut.

Li Dazhao telah melanjutkan hujahnya bahawa, penekanan dalam teori sejarah materialistik terhadap hukum sejarah objektiviti itu perlu dilengkapi dengan penekanan terhadap kebebasan peribadi rakyat. Beliau mengesyorkan bahawa, sosialisme yang berteraskan objektif penstrukturran semula organisasi ekonomi yang dikemukakan oleh Karl Marx, perlu disempurnakan dengan nilai-nilai humanisme yang berorientasikan makna sejagat sifat kemanusiaan:

Kami mengesyorkan agar membina semula semangat kemanusiaan dengan nilai-nilai humanisme, di samping membina semula organisasi ekonomi dengan idea sosialisme. Tidak membina semula organisasi ekonomi, dengan hanya membina semula semangat kemanusiaan, tidak akan mendatangkan sebarang kesan. Tidak membina semula semangat kemanusiaan, dengan hanya membina semula organisasi ekonomi, tidak akan pula mendatangkan kejayaan. Kami mengesyorkan agar menjalankan pembinaan semula dari kedua-dua aspek fizikal dan mental, yang sejajar dari segi rohani dan material.¹¹⁷

Dengan analisis yang mendalam terhadap doktrin-doktrin Marxisme, Li Dazhao telah mengkritik keras kelemahan-kelemahan kapitalisme. Beliau mengatakan bahawa, matlamat perdebatan teori ekonomi Karl Marx bukan terletak pada penjelasan terhadap ketamakan golongan kapitalis, tetapi demi membongkarkan ketidakadilan dalam kapitalisme. Ini kerana aktor yang mengeksplorasi golongan pekerja, bukan para kapitalis, tetapi kapitalisme pada hakikatnya. Golongan pekerja telah ditindas tetapi tidak mempunyai kaedah untuk membela diri dari segi perundangan dan ekonomi. Itu bukan ketidakperikemanusiaan golongan kapitalis, tetapi dosa kapitalisme semata-mata.¹¹⁸ Demikianlah tafsiran Li Dazhao terhadap teori ekonomi Marx dan kritikannya ke atas kapitalisme.

Walaupun Li Dazhao memberi penghargaan yang tinggi ke atas ajaran doktrin Marxisme, namun ini tidak menghalang beliau daripada memberikan penilaian ke atas batasan-batasan yang ada pada doktrin tersebut. Beliau berhujah bahawa, teoretikus

¹¹⁷ "Wo de Makesi zhuyi guan" (Pandangan saya mengenai Marxisme), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 251.

¹¹⁸ Ibid., hlm 256-257.

materialisme sejarah melihat perkembangan dalam perubahan ekonomi sebagai sesuatu yang wajar, yang tidak dapat dielakkan, lantaran teori itu diwarnai dengan suatu corak ketakdiran. Parti-parti sosialis ala Marxisme yang kemudiannya, disebabkan oleh kepercayaan mereka kepada teori ketakdiran itu, selain menanti kepada matangnya sistem komunisme secara automatik, sudah tiadanya sebarang cadangan atau kegiatan. Ini telah membawa kepada krisis yang amat besar bagi parti-parti sosialis di setiap negara pada ketika itu, yang berpunca daripada kelemahan konsepsi materialisme sejarah.¹¹⁹

Berkat penguasaannya ke atas teori Marxisme, Li Dazhao menunjukkan bahawa, “pembentukan sesuatu doktrin, mempunyai hubungan yang erat dengan persekitaran zamannya.”¹²⁰ Li melihat kemunculan doktrin Marxisme sebagai hasil zamannya itu sendiri. Kemunculan doktrin tersebut merupakan suatu penemuan yang terbesar pada zaman Karl Marx. Namun, doktrin itu tidak wajar digunakan untuk menginterpretasi segala sejarah, atau mengaplikasikan doktrin itu sebulat-bulatnya ke atas masyarakat yang kita berada sekarang. Maksudnya, faktor ekonomi itu tidak dapat diaplikasikan ke atas segala situasi, namun tidak patut pula seandainya kita mengabaikan sahaja faktor ekonomi tersebut, seperti sesetengah sejarawan dahulu kala. Li Dazhao ingin mengingatkan kita bahawa, “ketika kita mengulas atau mengaplikasikan doktrin seseorang, janganlah kita lupa akan persekitaran zamannya dan juga persekitaran zaman kita sendiri.”¹²¹ Dengan jelas bahawa, Li Dazhao tidak menerima doktrin Marxisme secara bulat-bulat dan membuta tuli, sebaliknya telah menganalisis dan menapis secara rasional agar ianya lebih sesuai digunakan pada situasi zamannya.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa usaha Li Dazhao dalam memperkenalkan Marxisme telah menghasilkan dua sumbangan yang inovatif: yang pertama menerusi huraianya terhadap pandangan konkret dalam konsepsi sejarah materialistik, telah

¹¹⁹ Ibid., hlm 248.

¹²⁰ Ibid., hlm 251.

¹²¹ Ibid., hlm 252.

meningkatkan pemahaman orang ramai terhadap teori-teori asas konsepsi sejarah materialistik; yang kedua menerusi analisisnya terhadap fungsi dan peranan konsepsi sejarah materialistik, telah membentuk satu model pemikiran mengenai suatu sistem teori revolusi yang lengkap.¹²² Sumbangan Li Dazhao ini sememangnya meninggalkan pengaruh yang bermakna dalam gerakan revolusi yang seterusnya.

Sejak Gerakan Empat Mei, retorik dalam konsepsi materialisme sejarah telah menjadi satu instrumen yang berkesan bagi Li Dazhao untuk menganalisis dan seterusnya menghujahkan kritikannya terhadap masyarakat. Penulisan rencana “Pandangan saya mengenai Marxisme” telah memberikan tanda-tanda awal akan munculnya suatu trend baru berkenaan dengan penggunaan pendekatan teori penentuan ekonomi dan konsepsi sejarah materialistik dalam analisis fenomena sosial dan kritikan masyarakat di China. Harus diingatkan bahawa, selepas percubaan oleh Li Dazhao, retorik konsepsi sejarah materialistik menjadi semakin popular di China. Konsepsi sejarah materialistik bukan monopoli golongan komunis, tetapi menjadi suatu teori baru yang diterima umum sebagai instrumen interpretasi hukum-hukum perkembangan masyarakat, termasuk golongan nasionalis.¹²³

Dalam kepercayaan Karl Marx, bukan “sejarah” yang memperalatkan manusia untuk mencapai matlamatnya, sejarah bukan sebarang benda (*History is nothing*), tetapi hanya satu bentuk aktiviti manusia dalam mencapai matlamat mereka.¹²⁴ Marx yakin bahawa golongan proletariat merupakan instrumen perjuangan yang terpilih dalam Dialektik. Dengan itu, beliau telah mengumumkan dalam satu syarahan umum pada tahun 1856, bahawa dalam riwayat perkembangan manusia, “sejarah adalah hakim; pelaksananya pula, golongan proletariat.”¹²⁵

¹²² Huang Minlan, *Xueshu Jinguo: Zhishi Fenzi Lishi Guan yu Zhongguo Zhengzhi* (Menyelamatkan Negara dengan Akademik: Konsepsi Sejarah Golongan Intelektual dan Politik China) (Zhengzhou: Henan Renmin Chubanshe, 1995), hlm 35-36.

¹²³ Ibid., hlm 35.

¹²⁴ Karl Marx, *Selected Writings in Sociology and Social Philosophy* (Harmondsworth, Middlesex: Penguin Books, 1963), hlm 78.

¹²⁵ Edmund Wilson, *To the Finland Station: A Study in the Writing and Acting of History* (London: Collins, 1962), hlm 198.

Kepercayaan terhadap peranan golongan proletariat dan wujudnya suatu kebenaran dalam sejarah yang mengutamakan kehendak manusia sejagat sudah terpaku di dalam hati Li Dazhao. Beliau pernah mengatakan bahawa: "Cita-cita hidup manusia yang paling luhur, adalah terletak pada pengejaran dan pencapaian kepada kebenaran."¹²⁶ Ketabahannya dalam mengejar kebenaran hidup, dan tuntutannya untuk membina China yang berwajah baru, sememangnya inti-pati semangat dan jiwa yang dipaparkan dalam Gerakan Empat Mei oleh para intelektual China moden. Menurut Benjamin I. Schwartz, pengkaji sejarah China moden yang terkemuka, Gerakan Empat Mei merupakan satu ekspresi politik yang baru berkenaan nasionalisme, sesuatu yang lebih signifikan disebabkan ianya tidak dirancang.¹²⁷ Oleh sebab gerakan tersebut merupakan satu insiden yang berlaku pada suatu masa ketika semua perkembangan utama dalam politik, pemikiran dan masyarakat telah mengambil tempat, ia bukan suatu permulaan mahupun suatu kesudahan, walaupun namanya sekarang telah digunakan untuk merangkumi satu era.¹²⁸

Pada pandangan Li Dazhao, Empat Mei merupakan hari peringatan yang mempunyai makna yang setimpal dengan Sepuluh Oktober dalam sejarah revolusi China.¹²⁹ Empat Mei dilihat sebagai hari peringatan bagi penglibatan pelajar dalam gerakan politik secara terdesak disebabkan suasana politik yang keruh.¹³⁰ Dalam mesej pendek yang dikemukakannya pada tahun 1921, beliau menganggap Empat Mei sebagai "*May Day*" di kalangan pelajar di China. Ini kerana pada hari tersebut, pelajar di China telah berbangkit "menentang dunia autoriti dengan suatu tindakan yang terus", yang mempunyai makna yang serupa dengan Satu Mei bagi golongan pekerja. Beliau berharap agar para pelajar meneruskan semangat

¹²⁶ "Zhenli zhi quanwei" (Autoriti pada kebenaran), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 660.

¹²⁷ Benjamin I. Schwartz, "Themes in intellectual history: May Fourth and after," dalam Merle Goldman dan Leo Ou-Fan Lee (penyunting), *An Intellectual History of Modern China* (Cambridge: Cambridge University Press, 2002), hlm 98.

¹²⁸ Ibid..

¹²⁹ Ini merupakan pandangan Li Dazhao tidak lama daripada insiden tersebut pada tahun 1919. Sila rujuk "Shuang Shi yu Wu Si" (Sepuluh Oktober dan Empat Mei), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 353.

¹³⁰ "Jinian wu yue si ri" (Memperingati Empat Mei), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 230.

menentang kekuasaan autoriti dengan berlandaskan semangat kebebasan dan humanisme yang lebih bersifat global, dan bukannya suatu gerakan patriotik yang sempit maknanya.¹³¹

Menurut Li Zehou, seorang ahli falsafah kontemporari China yang terkenal bahawa, Gerakan Empat Mei atau Gerakan Kebudayaan Baru merupakan suatu “Perubahan rentak yang saling bertindih di antara *enlightenment* dan penyelamatan (dari tebing maut)” (*Qimeng yu jiuwang de shuangchong bianzou*).¹³² Intelektual dalam era Gerakan Empat Mei telah memikul kedua-dua tangungjawab berat, *enlightenment* dan penyelamatan. Justeru itu, intelektual pada zaman yang anti-tradisi itu, telah memainkan peranan sebagai sarjana, revolusionaris, dan pendidik di samping bergerak rapat dengan perkembangan politik semasa. Mereka perlu memikul peranan berkembar selaku revolusionaris dan penyedar *enlightenment*, sebagai daya pendorong kepada pembaharuan kebudayaan Gerakan Empat Mei.¹³³ Ciri-ciri istimewa tersebut turut terpancar daripada personaliti dan perlakuan Li Dazhao, sebagai seorang Marxis yang giat mempromosikan ideologi baru itu untuk dijadikan jalan keluar bagi bangsanya.

4.5 Perdebatan “Masalah dan *isme*” dan penyelesaian masalah secara fundamental

Apabila meninjau masalah China menerusi sudut perspektif Marxisme, khususnya dengan berlandaskan analisis konsepsi sejarah materialistik, Li Dazhao memperoleh satu rumusan bahawa, masyarakat China memerlukan pembinaan semula melalui satu pendekatan

¹³¹ “Zhongguo xueshengjie de ‘May Day’” (“ ‘May Day’ di kalangan pelajar China”), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 621.

¹³² Li Zehou, *Zhongguo Xiandai Sixiangshi Lun* (Ulasan Sejarah Intelektual Modern China) (Taipei: Fengyun Shidai Chuban Gongsi, 1990), hlm 1-53.

¹³³ Chen Wanxiong, *Wusi Xinwenhua de Yuanliu* (Asal-usul Kebudayaan Baru Era Empat Mei) (Beijing: Shenghuo . Dushu . Xinzhi Sanlian Shudian, 1997), hlm 181-185.

menyelesaikan masalah secara fundamental.¹³⁴ Beliau menganalisis struktur sosioekonomi China berpandukan konsepsi sejarah materialistik, dan didapati ekonomi pertanian yang sentiasa mundur dan sistem kekeluargaan feudalistik yang terbina di atasnya, merupakan struktur asas masyarakat China selama dua ribu tahun.

Demi mengatasi masalah mundur dan membangunkan negara China yang maju, Li Dazhao berpendapat bahawa, perlunya revolusi sosialisme dan “perjuangan kelas sosial” untuk membina semula struktur masyarakat. Beliau menolak kaedah penyelesaian dengan pembaharuan secara beransur-ansur yang dipersetujuinya selama itu. Beliau beranggapan bahawa kemusnahan sosial kapitalisme tidak dapat dielakkan lagi. Tindakan yang drastik patut dan mesti dilakukan bagi tujuan penstrukturan semula tata tertib masyarakat. Li Dazhao cenderung kepada kemestian munculnya kediktatoran proletariat. Beliau percaya bahawa, sebarang masalah sosial adalah terletak pada sistem sosialnya. Maka, untuk menyelesaikan sesuatu masalah secara fundamental, seharusnya mengubah bentuk sistem sosial itu dari atas ataupun dasarnya. Ideologi Barat perlu dipinjam, dan Marxisme adalah jalan penyelesaiannya.

Usaha untuk mengaplikasikan teori Marxisme oleh Li Dazhao ke dalam misi menyelesaikan masalah China, dipertikaikan oleh Hu Shi, seorang lagi pemimpin utama Gerakan Empat Mei.¹³⁵ Hu Shi menyatakan rancangannya, “Lebih banyak mengkaji masalah, kurang bercakap tentang *isme*” (*Duo yanjiu xie wenti, shao tan xie zhuyi*) dalam keluaran ketigapuluhan satu, majalah *Komentar Mingguan*. Beliau menolak “*isme* yang diimport dari

¹³⁴ Berkenaan dengan pembentukan pemikiran “penyelesaian masalah secara fundamental”, sila rujuk perbincangan dalam Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 547-559.

¹³⁵ Tanpa banyak pertikaian, Hu Shi telah diiktiraf sebagai tokoh reformis China era Gerakan Empat Mei yang paling terkemuka dan berprestij (khususnya di masyarakat Barat) dengan sifat karakternya yang liberalis dan pragmatis. Untuk keterangan komprehensif tentang sumbangan Hu Shi dalam pembaharuan China khususnya pembinaan liberalism dan pragmatisme, sila rujuk Jerome B. Grieder, *Hu Shih and the Chinese Renaissance: Liberalism in the Chinese Revolution, 1917-1937* (Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1970; dan Hou Kok Chung, “Hu Shi: A Chinese Pragmatist and Reformist,” Ph. D. Thesis, University of London, 1998).

luar”, dan mengatakan bahawa, cakap kosong tentang *isme* itu sememangnya perkara yang mudah, tetapi tidak berguna langsung.¹³⁶

Hu Shi berpendapat bahawa, segala ideologi yang menarik hati adalah bahaya, maka menyeru khalayak kritikan massa agar “lebih banyak mengemukakan masalah, kurang bercakap tentang *isme* di atas kertas”. Beliau melanjutkan seruan tersebut agar mereka perbanyakkan kajian cara penyelesaian masalah, dan jangan bercakap-cakap tentang betapa ajaibnya sesuatu *isme* itu.¹³⁷ Hu Shi mengkritik penganut Marxisme yang tidak mengkaji masalah yang konkret, tetapi hanya melaungkan sosialisme sahaja. Beliau berpandangan bahawa, mengkaji masalah merupakan sesuatu yang susah, tetapi bercakap tentang *isme* adalah senang. Orang yang bercakap tentang *isme*, tetapi tidak mengkaji masalah, semata-mata disebabkan malas. Itulah sebabnya ramai yang bercakap tentang *isme*, tetapi sedikit sahaja orang yang mengkaji masalah.¹³⁸

Hu Shi tidak menentang kajian teori-teori dan *isme* sebagai instrumen untuk menyelesaikan masalah. Tetapi, beliau bimbang akan penyalahgunaan *isme* sebagai propaganda “penyelesaian masalah dari asasnya” yang difikirkan serba boleh. Perkembangan tersebut telah memulakan perdebatan “Masalah dan *isme*” yang terkenal dalam sejarah intelektual China moden. Sememangnya telah berlaku banyak polemik dan perdebatan di antara para intelektual China dengan doktrin-doktrin yang berbeza, namun perdebatan “Masalah dan *isme*” yang dijalankan di antara sepasang sahabat akrab dan dua orang intelektual yang berpengaruh dan terkemuka di China moden adalah di antara yang paling menggamtit perhatian.¹³⁹

¹³⁶ Hu Shi. “Duo yanjiu xie wenti, shao tan xie zhuyi” (Lebih banyak mengkaji masalah, kurang bercakap tentang *isme*). *Hu Shi Wencun* (Koleksi Karya-karya Hu Shi), Jilid 1 (Taipei: Yuandong Tushu Gongsi, 1953), hlm 343.

¹³⁷ Ibid., hlm 344.

¹³⁸ Ibid., hlm 345.

¹³⁹ Pada ketika itu, kedua-dua orang tokoh ini sama-sama merupakan profesor muda di Universiti Peking dan editor seperjuangan dalam kelompok editor majalah *Pemuda Baru*. Selepas perdebatan ini, kedua-duanya masih mengemukakan beberapa deklarasi bersama seperti “Deklarasi memperjuangkan kebebasan” (Zheng ziyou de xuanyan) dan “Pendirian politik kami” (Women de zhengzhi zhuzhang) bersama-sama dengan intelektual yang lain pada era 1920-an. Mereka berdua tetap berhubung menerusi surat-menurut yang memperlihatakan

Li Dazhao membidas hujah Hu Shi pada permulaan rencana balasannya. “Berbincang lagi mengenai masalah dan *isme*” (*Zai lun wenti yu zhuyi*), bahawa kedua-duanya mempunyai hubungan yang sukar dipisahkan.¹⁴⁰ Beliau menegaskan bahawa, untuk menyelesaikan suatu masalah yang dihadapi oleh majoriti dalam masyarakat, satu *isme* atau cita-cita yang sehaluan yang boleh dihubungkan kepada kehendak majoriti dapat menetapkan suatu piawaian yang boleh diterima. Realiti hidup yang tidak memuaskan hati, hanya boleh menjadi masalah sosial yang bersama, apabila boleh dirasai bersama, dan barulah dapat menemukan harapan untuk mengatasinya. Justeru itu, gerakan sosial yang dijalankan sememangnya *isme* yang menyebarkan impian masyarakat, di sampingnya juga mengkaji masalah realistik yang konkret.¹⁴¹

Dengan mata pena yang tulus ikhlas, Li Dazhao menyambut baik dan bersetuju dengan pemerhatian Hu Shi bahawa kebanyakan pandangan yang dikemukakan oleh mereka cenderung kepada yang bercakap kosong, tetapi kurang membincangkan masalah yang konkret. Beliau berazam untuk mencapai perbincangan yang realistik. Beliau yakin bahawa, sebarang *isme* yang didukung akan mempunyai kesan positifnya, sekiranya diikhtiarkan sepenuh hati ke arah gerakan yang realistik.¹⁴² Li Dazhao berpendapat bahawa, bahaya *isme* yang dikatakan oleh Hu Shi itu sebenarnya bukan dibawa oleh *isme* itu sendiri, tetapi dibawa oleh orang yang bercakap kosong mengenainya. Ini kerana beliau percaya bahawa, setiap ideologi mempunyai aspek ideal dan praktikalnya, serta dapat menyesuaikan diri dengan keadaan realiti, tetapi hanya disalahgunakan oleh orang yang bercakap kosong, sehingga

pemeliharaan persahabatan yang baik: mengikut sumber yang ada dalam *Li Dazhao Quanji* (Koleksi Lengkap Karya-karya Li Dazhao), Li masih mengirimkan surat kepada Hu sehingga September 1923. Dalam kedua-dua surat pada September 1923 tersebut, Li Dazhao telah meminta pertolongan daripada Hu Shi agar membantu dalam menerbitkan buku karangan Cai Hesen yang berjudul *Sejarah Revolusi Sosial Rusia* (*E Guo Shehui Geming Shi*), dengan menyatakan bahawa Cai hidup dalam kemiskinan dan memerlukan penerbitan buku tersebut untuk mendapatkan rezeki hidup. Li juga mengirimkan rinduannya kepada Hu dan bertanyakan khabar kepada Hu yang dihidapi penyakit. Sila rujuk *LDQJ*, Jilid 4, hlm 258 dan 265. Li Dazhao dengan Hu Shi telah sentiasa mengekalkan hubungan yang baik. Ini barangkali disebabkan oleh karakter kedua-dua orang tokoh ini yang sentiasa peramah dan sederhana. Rencana-rencana perdebatan di antara Hu Shi dan Li Dazhao turut dikumpulkan di dalam Hu Shi, *Hu Shi Wencun* (Koleksi Karya-karya Hu Shi), Jilid 1, hlm 342-379.

¹⁴⁰ “Zai lun wenti yu zhuyi” (Berbincang lagi mengenai masalah dan *isme*), *LDQJ*, Jilid 3, hlm 304.

¹⁴¹ Ibid., hlm 304-305.

¹⁴² Ibid., hlm 306.

menjadi sesuatu yang tidak realistik.¹⁴³ Dengan itu, kita harus menyebarkan ideologi kita, di samping mengkaji kaedah-kaedah yang berkesan terhadap masalah-masalah, agar dapat menjalankan gerakan yang realistik dengan berasaskan ideologi kita. Li Dazhao seterusnya membidas tindakan pihak-pihak yang melabel malah menterjemahkan istilah "Bolshevisme" menjadi "ekstremisme" sebagai suatu tohmahan yang sengaja dilakukan untuk menyekat sesuatu idea baru yang difikirkan akan mengancam kedudukan mereka.¹⁴⁴

Dengan berlandaskan konsepsi sejarah materialistik Marx, Li Dazhao membahaskan pembentukan spiritual seperti undang-undang, politik dan etika dalam mayarakat sebagai pembentukan permukaan yang berasaskan pembangunan ekonomi. Dengan kata yang lain, penyelesaian masalah ekonomi merupakan penyelesaian secara fundamental.¹⁴⁵ Li Dazhao berpandangan bahawa, golongan petani dan proletariat memerlukan suatu kaedah penyelesaian secara fundamental, untuk mendapat harapan menyelesaikan masalah konkret satu demi satu. Walau bagaimanapun, beliau bersetuju bahawa, persediaan yang cukup adalah wajib sebelum penyelesaian fundamental itu dapat direalisasikan.¹⁴⁶

Perdebatan ini telah dilihat sebagai tanda permulaan percanggahan pandangan ideologi dan politik di antara intelektual China selepas Gerakan Empat Mei.¹⁴⁷ Polemik di antara Li dan Hu ini pada dasarnya merupakan satu dialog di antara golongan revolusionaris dan penyedar *enlightenment* di kalangan kumpulan Kebudayaan Baru yang berpusatkan majalah *Pemuda Baru* dan Universiti Peking, yang akhirnya telah menuju ke arah perpecahan.¹⁴⁸ Malahan bagi Yü Ying-shih, perdebatan ini bukan sahaja dilihat sebagai konfrontasi ideologi yang pertama di antara liberalisme dan Marxisme, tetapi juga

¹⁴³ Ibid., hlm 306-307.

¹⁴⁴ Ibid., hlm 308-309.

¹⁴⁵ Ibid., hlm 310.

¹⁴⁶ Ibid..

¹⁴⁷ Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm 218.

¹⁴⁸ Sila rujuk Gao Like, *Wusi de Sixiang Shijie* (Dunia Pemikiran Empat Mei) (Shanghai: Xuelin Chubanshe, 2003), hlm 193-197.

menandakan permulaan bagi peringkat yang terakhir dan tertinggi dalam radikalasi di China pada kurun keduapuluhan.¹⁴⁹

Hu Shi yang berhujah dengan berdasarkan pragmatisme, telah melanjutkan perbincangan dalam dua rencana yang seterusnya. Beliau berpendapat, demi reformasi yang realistik, *isme* dengan kaedah pelaksanaan patut dipraktikkan secara paralel. Beliau berasa bimbang, orang China akan melakukan kesilapan yang terlalu hangat dengan tujuan, di samping kebutaan terhadap cara atau kaedah.¹⁵⁰ Hu Shi turut menggariskan cara menyalur masuk teori-teori akademik dalam rencananya, “Kali keempat berbincang tentang masalah dan *isme*” (*Si lun wenti yu zhuyi*) agar pengadaptasian *isme* dapat dimanfaatkan dalam menyelesaikan masalah yang konkret demi pembinaan China yang baru.¹⁵¹

Namun, Hu Shi melihat Li Dazhao sebagai “sesetengah orang yang memanipulasikan ideologi (*isme*) untuk menjalankan kegiatan politiknya”, lantaran Li telah mengemukakan kritikannya daripada perspektif seorang ahli revolusioner, seorang penganut revolusi sosial.¹⁵² Bagi Hu Shi, masalah yang dipertimbangkan oleh Li Dazhao bukan masalah yang dipertimbangkan olehnya. Perdebatan ini disifatkan oleh Hu Shi sebagai pusingan pertama dalam kontroversinya dengan golongan Marxis.¹⁵³

Siri perdebatan ini dilihat sebagai satu polemik yang membincangkan sama ada China memerlukan Marxisme atau tidak, dan sama ada China memerlukan revolusi atau tidak. Maurice Meisner berpendapat bahawa, baik kebimbangan Hu Shi terhadap penyelesaian masalah-masalah konkret individu mahupun sokongan Li Dazhao terhadap “penyelesaian fundamental”, yang dikatakan sebagai kaedah-kaedah yang bertentangan masing-masing

¹⁴⁹ Ying-shih Yü, “The radicalization of China in the twentieth century,” dalam Tu Wei-ming (penyunting), *China in Transformation* (Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1994), hlm 134.

¹⁵⁰ Hu Shi, “San lun wenti yu zhuyi” (Kali ketiga berbincang tentang masalah dan *isme*), *Hu Shi Wencun* (Koleksi Karya-karya Hu Shi), Jilid 1, hlm 371.

¹⁵¹ Hu Shi, “Si lun wenti yu zhuyi” (Kali keempat berbincang tentang masalah dan *isme*), *Hu Shi Wencun* (Koleksi Karya-karya Hu Shi), Jilid 1, hlm 373-379.

¹⁵² Tang Degang (penterjemah dan penganotasi), *Hu Shi Koushu Zizhuan* (Autobiografi Lisan Hu Shi) (Shanghai: Huadong Shifan Daxue Chubanshe, 1993), hlm 192-193.

¹⁵³ Ibid., hlm 190.

tidak boleh dilihat sebagai terpesong daripada situasi China yang tertentu.¹⁵⁴ Dapat diperhatikan bahawa, seperti intelektual-intelektual China yang lain pada ketika itu, Li Dazhao dan Hu Shi telah mencari ikhtiar untuk memperoleh penyelesaian terhadap masalah yang lebat di China itu. Kedua-dua tokoh yang terlibat telah menunjukkan keikhlasan masing-masing, dengan cuba memahami pandangan pihak yang satu lagi dengan sepenuh hati. Mereka dapat mengetengahkan pendirian masing-masing dengan jelas disebabkan mereka mengambil serius terhadap pandangan yang dikemukakan oleh satu pihak yang lain. Perdebatan ini telah dilihat sebagai satu perbahasan yang “terbuka”, dan satu pertukaran pandangan yang bernilai dalam sejarah intelektual China moden.¹⁵⁵

Sarjana kontemporari China, Liu Zaifu menyifatkan pandangan kedua-dua pihak ini sebagai dua pilihan yang dihadapi oleh golongan intelektual pada ketika itu, yakni “berjalan ke dalam” (zou jin qu) atau “berjalan ke luar” (zou chu qu).¹⁵⁶ Hu Shi yang bercadang untuk “berjalan ke dalam”, berpendapat bahawa intelektual moden perlu “berjalan ke dalam bilik kajian (atau makmal amali)” untuk memperkayakan diri dengan pencapaian akademik selepas revolusi budaya tersebut (iaitu Gerakan Empat Mei); sementara Li Dazhao bercadang agar para intelektual “berjalan ke luar” menuju ke masyarakat massa, ke lapisan bawahan masyarakat untuk memberi kesedaran kepada lapisan masyarakat yang lebih luas untuk menjalankan revolusi.

Perkembangan selepas perdebatan tersebut sememangnya memihak kepada cadangan “berjalan ke luar”. Susunan masyarakat China pada dewasa itu sudah berkecai-kecái. Masyarakat China yang telah menghadapi “krisis tripartite” dari aspek politik, sosial dan budaya, menghauskan kaedah penyelesaian secara fundamental bagi membebaskan mereka

¹⁵⁴ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 107.

¹⁵⁵ Lin Yusheng, “‘Wenti yu zhuyi’ lunbian de lishi yiyi” (Makna sejarah perdebatan “Masalah dan isme”), Yu Yingshi, et. al., *Zhongguo Lishi Zuanxing Shiqi de Zhishi Fenzi* (Intelektual dalam Zaman Transformasi Sejarah China) (Taipei: Lianjing Chuban Shiyeh Gongsi, 1992), hlm 63.

¹⁵⁶ Liu Zaifu, “Lishi jueci de bianxing - zhongguo xiandai zhishi fenzi de ziwo mishi” (Transformasi rupa bentuk dalam peranan sejarah - kesesatan kendiri dalam intelektual moden China), dalam Lin Daoqun dan Wu Zanmei (penyunting), *Beiju de Liliang: Cong Minzhu Yundong zuixiang Minzhu Zhengchi 1989-* (Tenaga Petaka Trajik: Dari Gerakan Demokrasi menuju ke Politik Demokrasi 1989-) (Hong Kong: Oxford University Press, 1993), hlm 167.

daripada dilema itu. Corak penyelesaian masalah yang secara beransur-ansur ala liberalisme tidak dapat memenuhi keperluan masyarakat yang tidak ternanti-nanti akan perlepasan daripada pelbagai belenggu hidup.¹⁵⁷ Cara penyelesaian yang dicadangkan oleh Hu Shi itu perlu memakan masa yang terlalu panjang. Bagi golongan yang muda, yang bersemangat kuat, dan yang radikal adalah tidak sabar terhadap Pragmatisme secara beransur-ansur yang mana dipercayai Hu Shi bahawa dapat menyelesaikan masalah-masalah China.¹⁵⁸ Pada pandangan umum ketika itu, hanya dengan pembinaan semula masyarakat secara fundamental menerusi jentera politik mampu mengatasi krisis yang dihadapi oleh masyarakat China. Pendirian tegas Li Dazhao tersebut mendapat sambutan daripada majoriti anggota masyarakat China, yang rata-rata terdiri daripada golongan petani dan proletariat.

Ada sarjana yang berpendapat bahawa, di sepanjang era Gerakan Empat Mei dan pasca Empat Mei, keadaan realiti di China benar-benar tidak mempunyai sumber-sumber yang cukup untuk menolak atau menafikan pernyataan pihak komunis bahawa gerakan revolusi komunis dapat menyelesaikan masalah di China secara fundamental. Li Dazhao dan rakan-rakan seperjuangannya telah menerima Marxisme disebabkan terutamanya idealisme (atau Utopianisme) yang terkandung itu telah membekalkan peralatan untuk mengorganisasikan kebanyakan orang China dalam menyertai gerakan revolusi.¹⁵⁹ Perubahan mentaliti ini juga dilihat sebagai suatu proses radikalasi dalam idealisme yang dimiliki oleh para intelektual seperti Li Dazhao, yang pada mulanya telah menaruh harapan yang tinggi terhadap penubuhan Republik China. Bagi Hao Chang, idealisme radikal ini telah membentuk asas yang membolehkan Li Dazhao menganuti Marxisme sebagai satu pendekatan yang dapat menyelesaikan masalah China secara fundamental, setelah berasa

¹⁵⁷ Ibid., hlm 64.

¹⁵⁸ Hou Kok Chung, "Hu Shi: A Chinese Pragmatist and Reformist," Ph. D. Thesis, University of London, 1998, hlm 270.

¹⁵⁹ Lin Yusheng, "Zhongguo zhishi fenzi yu zhengzhi" (Intelektual China dan politik), Yu Yingshi, et. al., *W'usi Xinlun* (Tafsiran Baru terhadap Gerakan Empat Mei) (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1999), hlm 97.

putus asa terhadap perkembangan di China selepas Revolusi 1911.¹⁶⁰ Lebih penting lagi, seruan Li Dazhao menerusi huraian secara dialektik materialisme telah memberi keyakinan kepada khalayak kebanyakan bahawa, masalah rumit China boleh diselesaikan menerusi gerakan sosial yang drastik, lantaran meneroka jalan harapan ke arah memperbaiki hidup rakyat jelata dan membangunkan negara China.

Sudah pasti, ini tidak bermakna bahawa, Li Dazhao atau pengikut-pengikut Marxisme yang lain telah atau hampir memperoleh satu formula penyelesaian secara fundamental yang mutlak terhadap masalah-masalah di China, selepas berakhirnya perdebatan “Masalah dan isme” ini.

¹⁶⁰ Hao Chang (Zhang Hao), “Zai lun Zhongguo gongchan zhuyi sixiang de qiyuan” (Berbinang lagi tentang asal-usul pemikiran Komunisme China), Yu Yingshi, et. al., *Zhongguo Lishi Zhuanying Shiqi de Zhishi Fenzi* (Intelektual dalam Zaman Transformasi Sejarah China) (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1992), hlm 58-60. Berkenaan dengan elemen-elemen Marxisme-Leninisme yang meyakinkan para Marxis China bahawa teori Marxisme dapat memberi faedah kepada China, sila rujuk James Chieh Hsiung, *Ideology and Practice - The Evolution of Chinese Communism* (New York: Praeger Publishers, 1970), hlm 35-38.